

Bil. 77

**Selasa
10 Disember 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 13)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 1997 <u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual -</u>	
Maksud B.46	(Ruangan 13)
Maksud B.47	(Ruangan 26)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 1997 <u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.46	(Ruangan 13)
Maksud P.47	(Ruangan 26)
PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA Mengalu-alukan Kehadiran TYT Samane Vignaket, Presiden International Assembly of Lao Peoples Democratic Republic dan Rombongan	(Ruangan 16)

Oktober, 1996.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin RAja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

- Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- Yang Berhormat Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,
P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Selasa, 10 Disember, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**EKSPORT MELALUI PELABUHAN
SINGAPURA - DEFISIT NEGARA**

1. Tuan Hashim bin Ismail [Ledang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah benar kebanyakan urusan eksport kita masih melalui pelabuhan Singapura yang pasti menjadi salah satu faktor yang menyumbang ke arah defisit negara. Dan apakah sebabnya pelabuhan-pelabuhan seperti Pulau Pinang, Kelang dan Pasir Gudang tidak mampu menampung keperluan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan urusan eksport dan import negara kita adalah dikendalikan melalui pelabuhan-pelabuhan utama negara seperti Pelabuhan Kelang, Pulau Pinang dan Pasir Gudang. Walau bagaimanapun, masih ada juga eksport negara dihantar melalui Pelabuhan Singapura.

Penggunaan Pelabuhan Singapura untuk mengekspor barangan keluaran negara telah lama berlaku bukan disebabkan pelabuhan-pelabuhan kita tidak mampu menampung keperluan pengeksporn, tetapi ianya adalah oleh kerana yang pertamanya faktor sejarah yang mana pengeksporn-pengeksporn dahulu memang telah ada kaitan dengan Pelabuhan Singapura, lebih-lebih lagi syarikat Singapura yang melabur dalam sektor pengeluaran di Malaysia juga mempengaruhi aliran eksport Malaysia melalui Singapura di mana barang-barang siap dan separa siap akan dihantar ke Singapura untuk ditambah nilai bagi dieksporn semula ke negara lain.

Walaupun bagaimanapun, usaha-usaha telah dibuat terutama dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, saya suka menyatakan bahawa hampir semua kilang tempatan dan juga syarikat-syarikat usaha

sama tempatan asing telah pun mula menggunakan dengan lebih baik kemudahan-kemudahan yang ada di Pelabuhan Kelang dan juga pelabuhan-pelabuhan negara yang lain. Contohnya bagi tahun 1995 jika dibandingkan dengan tahun 1996, bilangan TEU yang dieksporn ataupun yang diimport menggunakan Pelabuhan Kelang telah meningkat sebanyak 23.3% iaitu bagi bulan Januari-Oktober 1995, RM925,141 berbanding dengan Januari-Oktober 1996, RM1,144,722 TEUs.

Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia adalah setanding dengan Pelabuhan Singapura dari segi kemudahan pelabuhan, pengendalian kargo, perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan, caj- caj pelabuhan yang kompetitif serta kemudahan kawasan perdagangan bebas.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan penggunaan EDI di Pelabuhan Kelang dan bagaimana sambutan dari pengguna pelabuhan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan EDI di Pelabuhan Kelang sedang di peringkat terakhir. Kita telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membeli satu 'upgraded equipment' kerana equipment EDI yang ada pada ketika ini tidak mampu menerima input yang banyak. Satu peruntukan telah pun diluluskan antara hampir lebih kurang RM2 juta. Kita sedang menunggu supaya equipment ini tiba. Mudah-mudahan seperti yang telah disenaraikan pada hujung tahun 1996 ini. Apabila upgraded equipment ini diterima, maka 100% sistem pengendalian kargo di Pelabuhan Kelang tidak akan menggunakan kertas lagi.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha-usaha positif yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan untuk menarik pengusaha-pengusaha kita untuk menggunakan pelabuhan-pelabuhan tempatan, bukan lagi melalui Singapura seperti yang ada sekarang ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa tindakan telah, sedang dan akan diambil bagi menggalakkan lagi penggunaan pelabuhan tempatan, seperti:

- (i) memastikan kemudahan pelabuhan mencukupi dengan dasar 'supply driven', dengan izin. Sebanyak 15 dermaga kini

beroperasi di Pelabuhan Barat dan sebanyak 15 lagi akan siap menjelang tahun 2005 untuk mengendalikan kargo pukal kering, kontena pukal cecair dan am. Menjelang tahun 2005 sejumlah 56 dermaga akan beroperasi di Pelabuhan Kelang untuk kapal-kapal sehingga 100,000 displacement tons;

- (ii) penubuhan zon perdagangan bebas di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat. Pelabuhan Barat telah dijadikan zon perdagangan bebas pada tahun 1993 manakala Pelabuhan Barat pada Jun 1996. Zon perdagangan bebas meyakinkan pengguna mengenai dokumentasi dan prosedur yang mudah untuk cargo consolidation, transshipment, entreport traffic, dengan izin, dan perkhidmatan nilai tambah;
- (iii) penubuhan pusat pengedaran (distribution parks), menggalakkan aktiviti tambah nilai, consolidation cargo serantau dan jika perlu aktiviti penangguhan pembayaran duti. Semua ini bertujuan untuk mengalih semula kargo Malaysia balik ke Pelabuhan Kelang. Untuk tahun 1996, lebih sejuta tan kargo telah dikendalikan di Pelabuhan Kelang Distribution Park;
- (iv) kita juga sedang mengakhirkkan EDI Port Klang Community System seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Penyerahan deklarasi kastam dan manifes secara elektronik telah pun dilaksanakan sepenuhnya. Apabila EDI dilaksanakan sepenuhnya, PKCS boleh meningkatkan masa pemprosesan dan menyegerakan pelepasan kargo serta memudahkan pengaliran kargo ke Pelabuhan Kelang dan 5 caj pelabuhan yang kompetitif, caj pelabuhan tidak dinaikkan untuk 20 tahun ini. Adalah penting untuk memaklumkan pekilang-pekilang bahawa pihak mereka perlu membayar tambahan mereka RM150 jika kontena 20 kaki di 'feeder' ke Singapura.

Saya suka memaklumkan bahawa atas kerja kuat Menteri Pengangkutan, walaupun beliau jarang berada di Parlimen, tetapi selalu ke luar negara untuk menarik main vessel dari luar negara datang ke Port Klang. Sehingga ini kita telah pun dapat menarik 28 main liner datang ke Pelabuhan Klang, tetapi tak ada pun yang dibantu oleh wakil daripada yang tak hadir pada hari ini daripada DAP.

"HIGH TECH" - PROGRAM PENYEDIAAN SUMBER MANUSIA

2. Tuan Ong Tin Kim [Teluk Intan] minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah apa-apa program atau rancangan yang konkrit disusun oleh kementerian beliau untuk menyediakan sumber manusia yang cukup dan untuk mencapai matlamat kita menjadi sebuah negara 'High Tech', jika ada, sila nyatakan dengan ringkas strategi dan program beliau.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, rancangan kementerian untuk menyediakan sumber manusia yang cukup dalam bidang sains dan teknologi ialah dengan menetapkan sasaran nisbah 60:40 pelajar bagi bidang sains dan teknologi berbanding dengan sastera di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam.

Kementerian telah meminta semua IPT awam kecuali Universiti Utara Malaysia memperkukuhkan lagi program/fakulti yang berasaskan kepada sains dan teknologi termasuk Teknologi Maklumat.

Di samping itu, pewujudan Akta IPTS akan dapat menggalakkan lagi penubuhan universiti swasta yang lebih menjurus kepada sains dan teknologi seperti mana yang dicadang kepada badan-badan kerajaan iaitu Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia dan PETRONAS. Begitu juga dengan cadangan penubuhan universiti multimedia yang menjurus ke arah pendidikan berteknologi tinggi.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita terbaca di akhbar bahawa Pemangku Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) mengatakan ada kemungkinan bahawa USM itu akan ditutup akibat dari kurangnya pelajar mengambil jurusan sains pada masa kini. Jadi, apakah rancangan kementerian bagi memulihkan pelajar-pelajar kita supaya mereka itu menuju ke aliran sains?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian telah pun memperbetulkan kenyataan itu dan memberikan angka tentang kedudukan sebenar, perkembangan yang berlaku dari segi kedudukan mahasiswa mahasiswi khususnya di USM. Dan soal itu tidak berbangkit lagi dan kita sedang mempertingkatkan usaha untuk mendorong dan menggalakkan pelajar-pelajar kita supaya mengambil jurusan sains.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menekankan bahawa ratio 60:40 peratus ini dari segi pelajar sains dan sastera bagi universiti-universiti tempatan selain daripada Universiti Utara Malaysia, bagaimanakah pencapaian ke arah ini setakat ini khususnya bagi universiti-universiti seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia dan apakah harapan pihak kementerian dan bilakah ini dapat dicapai?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita gariskan matlamat ini sebagai, dengan izin, working principal, kerana kita sedar akan persoalan dan keadaan yang menyelubungi setiap universiti dan kita yakin dengan langkah-langkah yang diambil sekarang ini, bermula daripada sekolah rendah membawa ke menengah dan hinggalah ke peringkat universiti, kita akan dapat mempertingkatkan kadar itu sehingga mencapai matlamat yang kita gariskan iaitu 60:40 seperti yang dikatakan itu.

USAHAWAN VENDOR BUMIPUTERA - NILAI PROJEK

3. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) jumlah usahawan 'vendor' bumiputera yang telah ditawarkan kerja oleh agensi-agensi di bawah kementerian setakat 31hb. Ogos, 1996; dan
- (b) bidang-bidang perniagaan yang sedang diceburi oleh mereka nilai keseluruhan kerja/projek yang melibatkan usahawan 'vendor' bumiputera.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Program Vendor, syarikat-syarikat kecil dan sederhana membekalkan komponen dan barangan kepada syarikat-syarikat besar termasuklah syarikat multinasional yang dipanggil syarikat anchor. Pada masa ini terdapat tiga Program Vendor anjuran kerajaan.
 - (i) Yang dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.
 - (ii) Dikelolakan oleh Kementerian Kewangan.
 - (iii) Dikelolakan oleh Permodalan Nasional Berhad.

Sehingga 31hb. Ogos yang lalu, terdapat 91 vendor di bawah program dengan kementerian dan terdapat 56 apa yang dipanggil anchor companies ataupun syarikat besar.

Sejak Ogos, kita telah menambahkan lagi bilangan vendor daripada 91 kepada 105 dengan syarikat anchor pula telah bertambah daripada 56 kepada 90. Bermakna terdapat empat anchor bertambah dalam masa tiga bulan dan terdapat pertambahan 14 vendor dalam masa tiga bulan.

Itu program-program di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

Di bawah Kementerian Kewangan juga ada Program Vendor yang melibatkan lapan buah syarikat kerajaan, yang sedang berjalan hari ini iaitu tiga buah syarikat iaitu Petronas, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad.

Setakat hari ini syarikat-syarikat ini telah pun melantik 82 vendor yang melibatkan pembekalan komponen bernilai RM837 juta.

Selain dari itu, dua bulan yang lalu, pihak PNB telah menandatangani perjanjian dengan anak-anak syarikatnya, 12 kesemuanya bagi melaksanakan Program Vendor bagi syarikat-syarikat PNB. Ini melibatkan syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana yang akan membekalkan komponen ataupun barangan kepada syarikat-syarikat yang mana PNB mempunyai kepentingan.

Program ini baru sahaja dimulakan dan kita belum mendapat maklumat terkini mengenai pencapaiannya.

- (b) Bidang-bidang perniagaan yang diceburi oleh syarikat-syarikat vendor ini, daripada 105 sebanyak 48% adalah dalam bidang elektrik dan elektronik; yang kedua besar ialah dalam bidang automatik khususnya untuk Proton sebanyak 22 buah syarikat iaitu 21% daripada keseluruhan bilangan syarikat dan lain-lain termasuk dalam bidang perabot sebanyak 12.3%, telekomunikasi - 8.6%, kejuruteraan dan kelengkapan bangunan. Itu vendor bagi Kementerian Pembangunan Usahawan.

Vendor Kementerian Kewangan pula, perkhidmatan dan barangan yang terlibat ialah barangan elastik, barangan besi dan logam, barangan siap, perkhidmatan pembinaan dan juga komponen-komponen lain.

Bagi Program Vendor Kementerian Pembangunan Usahawan, tahun ini sehingga sekarang, syarikat-syarikat vendor ini membekalkan barangan bernilai RM270 juta kepada syarikat-syarikat anchor. Berbanding dengan RM230 juta tahun lalu dan RM210 pada tahun 1994 dan pada tahun 1993 terdapat nilainya ialah RM148 juta. Ini bermakna bahawa Program Vendor mendapat sambutan daripada anchor companies, syarikat-syarikat besar dan ini dapat dilihat bukan sahaja daripada peningkatan bilangan vendor dan anchor, tetapi juga daripada segi peningkatan nilai barangan yang dibekalkan iaitu sehingga tahun ini RM270 juta.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Menteri kerana telah banyak menjawab dan banyak informasi yang telah diberikan. Tetapi, soalan saya ialah daripada maklumat yang diterangkan oleh Menteri tadi, ternyata sekali syarikat anchor ini kebanyakannya kepunyaan warganegara Malaysia. Tetapi, pada masa sekarang berapa banyakkah daripada syarikat asing yang dilantik dan telah menjadi syarikat anchor dan berapa banyakkah vendor yang telah dilantik di bawah syarikat-syarikat tersebut.

Dato' Haji Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, daripada kira-kira 100, sorry kita bercakap tentang bank anchor, saya bercakap tentang syarikat multinasional yang menyediakan peluang untuk syarikat-syarikat vendor. Daripada 60 buah syarikat, 20 adalah syarikat Malaysia iaitu 33%, yang lainnya semua syarikat luar negara. Bermakna, 67.7% adalah syarikat-syarikat multinasional luar negara, pecahannya 29 buah syarikat Jepun - 48.3%, syarikat Amerika Syarikat 4 buah - 6.7%, Jerman 2 buah - 3.3%, Taiwan 2 buah, Perancis 1 buah, Australia 1 buah dan Korea 1 buah.

Ini menunjukkan bahawa penyertaan daripada syarikat-syarikat multinasional membanggakan tetapi kita sentiasa berusaha untuk menambahkan bilangan ini. Kita telah pun bersetuju dengan sebuah syarikat Jepun untuk menambah bilangan

anchor dalam sedikit masa lagi dan kita akan berunding dengan sebuah syarikat untuk menjadi anchor, yang sedang kita runding sekarang ada dua buah syarikat. Tambahan kepada 60 buah syarikat yang ada sekarang ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah syarikat vendor yang terlibat berdasarkan kepada tajaan yang dibuat oleh ketiga-tiga kementerian tentunya terdapat syarikat-syarikat yang mengalami kerugian ataupun permasalahan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Dato' Menteri menyatakan apakah syarikat-syarikat yang terlibat? Mengapakah ianya berlaku dan bagaimanakah langkah kementerian-kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dari segi jangka pendek dan jangka panjangnya dan juga menyatakan berapakah jumlah peruntukan atau pinjaman yang telah diberikan kepada mereka untuk memulihkan ataupun untuk membiayai syarikat-syarikat ini? Terima kasih.

Dato' Haji Mustapa bin Mohamed: Panjang soalan Yang Berhormat Jelebu. Mengenai masalah, secara umumnya, kita berpuas hati dengan prestasi syarikat-syarikat vendor. Ini bukan bermakna bahawa kesemua mereka tidak menghadapi masalah, ada masalah-masalah kecil. Masalah utama yang dihadapi ialah 'orders' atau tempahan yang tidak mencukupi sebagai sebuah syarikat perniagaan sudah pasti syarikat vendor berkehendakkan tempahan yang semaksimum mungkin dan kadang-kadang tidak dapat dipenuhi oleh syarikat-syarikat anchor.

Ini juga berkaitan dengan kedudukan 'supply' dan 'demand' dalam pasaran antarabangsa di mana kita dapati bahawa syarikat-syarikat dalam bidang elektronik dan elektrik umpamanya menghadapi turun naik dalam permintaannya. Dan ini turut menjejaskan prestasi syarikat-syarikat vendor.

Secara umumnya, tidak ada masalah kerana syarikat-syarikat vendor diberi bimbingan oleh syarikat-syarikat anchor. Ini berlaku bukan sahaja dalam program Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga dalam program Kementerian Kewangan.

Mengenai nama syarikat-syarikat yang menghadapi masalah, kita tidak bolehlah mendedahkan nama-nama syarikat ini, memadailah kalau saya katakan bahawa secara umumnya mereka tidak menghadapi masalah yang besar.

Seterusnya, peruntukan untuk membantu mereka, kita tidak menyediakan satu bidang khusus,

peringkat awal kita memberikan geran. Dengan peruntukan kerajaan RM30 juta dan geran ini sudah pun RM31 juta telah pun habis digunakan. Pada masa ini, syarikat vendor yang ingin meminjam boleh meminjam daripada Tabung Industri Bumiputera (TIB) dengan kadar faedah sebanyak 5%. Inilah bentuk bantuan kewangan yang disediakan oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) tidak hadir]

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN TRIANG, SERIAN - PROSES PEMBINAAN

5. **Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan terakhir mengenai cadangan kerajaan untuk mendirikan sebuah sekolah rendah baru (SRK Triang) di kawasan Tong Nibong, Serian.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2,882,000 untuk mendirikan sekolah baru iaitu SRK Triang di kawasan Tong Nibong, Serian. Buat masa ini, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sedang dalam proses untuk mendapatkan tanah bagi tapak sekolah tersebut dan pembinaan sekolah itu akan dijalankan setelah perkara berkenaan diselesaikan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun kita tidak menafikan iaitu kerajaan banyak memberi peruntukan untuk membina sekolah-sekolah di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak. Tetapi masalah yang selalu dialami di Sarawak ialah pelaksanaan pembinaan sekolah tersebut menerusi agensi kerajaan umpamanya Jabatan Kerja Raya Sarawak. Jadi, macam manakah pelaksanaan menerusi, dengan izin, 'negotated contract' terus dengan kontraktor-kontraktor yang hendak diselenggara daripada pihak kerajaan sekarang ini sama ada memberi kesan yang baik ataupun tidak? Kalau tidak, apakah tindakan seterusnya supaya pelaksanaan ini dapat dilakukan dengan baik dan cepat? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita mengaku bahawa memang ada banyak perkara dalam pelaksanaan setiap projek yang kita hendak laksanakan, bermula

dengan soal tanah. Dalam usaha kita mempercepatkan pelaksanaan program-program ini ada juga setengah-setengah projek yang tertentu diuruskan secara rundingan dengan pihak kontraktor. Namun demikian, projek-projek seperti itu juga akhirnya berdepan dengan masalah. Jadi, antara dua cara yang ada sekarang ini, kita akan cuba ikhtiarlah untuk menyelesaikan apa juga permasalahan yang timbul bagi menyempurnakan sesuatu program yang kementerian laksanakan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai projek pembangunan sekolah yang tergendala timbul daripada kegagalan kontraktor-kontraktor. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan kementerian untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah yang tergendala itu dan juga yang belum didirikan tetapi telah dirancang supaya diteruskan? Oleh kerana kalau tidak diteruskan sudah tentu ramai lagi kanak-kanak akan ketinggalan dalam bidang pelajaran.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Soalannya?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah mengenai masalah rancangan pembangunan sekolah yang tergendala akibat daripada kegagalan pihak kontraktor menyiapkan bangunan-bangunan sekolah. Persoalannya ialah apakah rancangan pihak kementerian untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah yang tergendala itu dan juga yang belum mula dilaksanakan supaya diteruskan pembinaannya agar kanak-kanak sekolah akan mendapat kemudahan untuk memulakan pelajaran.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal hendak memulih dan menyempurnakan sekolah-sekolah yang tergendala dan mendirikan sekolah-sekolah baru itu bukan menjadi persoalan, saya fikir. Cuma bila timbul masalah, kita, satu, kita panggil semua kontraktor-kontraktor, kita rundingkan. Sudah runding pun, dia tidak boleh buat, kita retender, itu sahaja yang ada di hadapan kita ini. Tetapi, pokoknya memang kita semua maklum, kita hendak beri kemudahan kepada semua anak-anak, itu tidak ada dolak-daliknyalah. Masalah itu biasalah, atas dunia ini.

PAN BORNEO RAILWAY - CADANGAN

6. **Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian bercadang berunding dengan Kerajaan

Negeri Sabah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Indonesia bekerjasama menjadikan Perkhidmatan Keretapi Negeri Sabah sebagai PAN BORNEO RAILWAY yang serba lengkap dan canggih untuk perhubungan yang moden di kawasan-kawasan terbabit kelak dan jika tidak apakah sebabnya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mewujudkan rangkaian rel menghubungkan negeri Sabah, negeri Sarawak dan Kalimantan. Pembinaan rel memerlukan pelaburan yang besar dan memandangkan ia melibatkan kos infrastruktur yang tinggi. Selain daripada itu, pembinaan dan perluasan sistem pengangkutan rel perlu mengambil kira pelbagai faktor yang relevan bagi menentukan 'viabiliti', dengan izin, projek tersebut seperti jumlah potensi penumpang dan barangan.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui bahawa pembinaan railway memanglah memerlukan pelaburan yang besar dan mengambil kira faktor yang banyak. Tetapi persoalan saya ialah adakah perancangan dibuat mulai dari sekarang agar lambat-laun satu Borneo Railway akan wujud dan kalau ada perancangan, apakah target untuk melaksanakan perancangan itu?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, belum ada lagi rancangan pada masa kini. Bagi negeri Sabah, kita ada menerima surat dari Kementerian Perhubungan dan Kerja Raya yang memaklumkan bahawa buat masa sekarang kerajaan negeri Sabah tidak mempunyai sebarang rancangan untuk meluaskan skop perkhidmatan keretapi negeri Sabah kerana di Sabah ada sedikit rel bagi meliputi Sarawak hingga ke Wilayah Kalimantan di Indonesia.

Mengenai rancangan masa depan Jabatan Keretapi Negeri Sabah, kerajaan negeri sedang meningkatkan mutu perkhidmatan rel di negeri ini dengan membaik-pulih jentera-jentera yang ada, memperbaiki track dan jambatan-jambatan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan negeri juga telah meluluskan peruntukan untuk pembelian beberapa unit lokomotif, rail car dan diesel transit. Pada masa ini tidak terdapat potensi bagi kerjasama bagi sektor rel bagi wilayah pertumbuhan Brunei Darul Salam, Indonesia, Filipina, East Asian Growth Area.

Petikan laporan final report oleh Bank Pembangunan Asia mengenai preliminary structure study transport dan communication menyatakan, dengan izin;

"They do not appear to be any ready areas for co-operation in rail transport in the region due to the generally undeveloped rail services. However there is possibly a need for a study to examine there is a feasibility for a rail link to the proposed container terminal at Sepang Bay to serve the Kota Kinabalu Industrial Park. There is also a need to review the existing rail services in Sabah in order to turn it into a profitable venture, with possible development as a tourism product. In the long term a railway link between Pontianak and Kuching maybe feasible, if sufficient trade passengers and cargo develops along the Kuching/Tebedu/Antikong/Pontianak Corridor."

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab sedikit-sebanyak dalam bahasa Inggeris.

Berhubung kait dengan kereta api ini juga saya hendak bertanya bagaimana kedudukan rancangan kerajaan hendak mengadakan kereta api elektrik dan kereta api laju di Semenanjung. Adakah masih menggunakan laluan yang ada sekarang dan terus ke Bukit Kayu Hitam ataupun melencong ke Padang Besar untuk disambung ke negara-negara jiran yang lain?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sebut dalam bahasa Inggeris kerana membaca laporan yang disediakan oleh Bank Pembangunan Asia, itu pun dapat izin, ya.

Yang kedua, pertanyaan dari Yang Berhormat mengenai kereta api laju ini, kita lihat oleh kerana kosnya terlalu tinggi, maka apa yang sedang dibuat sekarang ini adalah kereta api yang 'bergelele-gelek' jalan [Ketawa] 'tilting train' ini.

Seorang Ahli: Senget!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang ini sedang kita buat dengan double tracklah, pertama daripada Singapura ke Kluang. Dan yang keduanya dari Rawang ke Ipoh, manakala sampai ke tempat-tempat lain itu, kita sedang melihat bila ada duit yang cukup besok, kerajaan akan laksanakan, insya-Allah.

**“PENIPUAN TELEKOMUNIKASI” -
MEMBANTERAS KEGIATAN**

7. Tuan Yong Chee Wah [Batu Gajah] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengapa Telekom telah mengenai “Penipuan Telekomunikasi” beberapa tahun yang lalu masih belum dapat membanteras kegiatannya; dan
- (b) adakah “Fraud Management Unit” dan “Unit Penyiasatan Dalaman” yang diperkenalkan oleh Telekom Malaysia baru-baru ini dapat mencegah kegiatan penipuan tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato’ Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa memang terdapat kes penipuan dan kecurian talian berlaku tetapi ia sukar untuk dikesan sama ada ianya dilakukan oleh kakitangan pengusaha sendiri. Walau bagaimanapun, pihak pengusaha telekomunikasi telah mewujudkan satu unit khusus untuk menyiasat dan membanteras kes-kes ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fraud Management Unit, dengan izin dan Unit Penyiasatan Dalaman yang diperkenalkan oleh Telekom Malaysia telah mula beroperasi pada Oktober tahun ini dan diharap dengan penwujudannya dapat membanteras kegiatan penipuan dengan berkesan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apakah keputusan atau siasatan kerajaan tentang dakwaan banyak penipuan telefon adalah berkenaan cordless phone yang biasanya digunakan di rumah-rumah. Jika terdapat dan ada kaitan dengan penipuan telefon atau pencurian line adalah berkaitan dengan cordless phone yang digunakan di rumah, sama ada kerajaan berhasrat untuk mengharamkan pengimportan cordless phone seperti ini?

Dato’ Chan Kong Choy: Menurut siasatan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Telekom Malaysia dan juga Telekom Malaysia Berhad, cordless phone ini tidak menjadi satu faktor penting yang mengakibatkan penipuan dan kecurian talian. Maka pihak kementerian tidak ada cadangan untuk mengharamkan penggunaan cordless phone ini.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri, saya difahamkan bahawa Telekom telah memperkenalkan pin number, dengan izin, dengan Atur phone 450, jadi saya

ingin tahu bagaimanakah keberkesanannya untuk mencegah penipuan dan kecurian?

Dato’ Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, memang Telekom Malaysia telah membekalkan kemudahan Atur Safe ataupun pin number kepada pelanggan-pelanggan. Setakat ini adalah dibuktikan bahawa mereka yang telah menggunakan pin number ini biasanya adalah didapati sangat berkesan untuk membanteras kecurian ataupun penipuan talian telefon.

**PLUS - CADANGAN MEMBANTU
PENGGUNA LEBUH RAYA**

8. Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah atau kemudahan yang dilakukan oleh PLUS bagi membantu pengguna-pengguna lebuhraya yang menghadapi masalah dalam perjalanan seperti kerosakan kenderaan dan lain-lain; dan
- (b) memandangkan sering berlaku kemalangan di lebuhraya bagi memberikan bantuan yang lebih segera, tidakkah PLUS bercadang untuk mengadakan pasukan bomba dan penyelamat serta ambulan sendiri bagi memberikan bantuan kepada mereka yang terlibat dengan kemalangan di lebuhraya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PLUS Berhad telah menyediakan kemudahan atau perkhidmatan bagi kemudahan pengguna-pengguna Lebuhraya Utara-Selatan yang menghadapi masalah dalam perjalanan mereka seperti berikut:
 - (i) menyediakan kemudahan telefon kecemasan yang dipasang setiap 2 kilometer di tepi lebuhraya;
 - (ii) menyediakan perkhidmatan telefon PLUS Line yang beroperasi 24 jam, nombor telefon itu ialah 03-2920000;
 - (iii) menyediakan perkhidmatan PLUS Ronda percuma yang membuat rondaan 24 jam dan bersedia memberikan bantuan-bantuan berikut:

- * memperbaiki kerosakan kecil pada kenderaan;
 - * menunda kenderaan ringan yang mengalami kerosakan teruk ke kawasan selamat;
 - * memberi khidmat nasihat kepada pengguna dan dari segi tatacara pemanduan dan penjagaan kereta;
 - * memberi bantuan awal atau first aid, dengan izin, kepada mangsa kemalangan; dan
 - * bantuan-bantuan lain yang diperlukan.
- (b) PLUS tidak bercadang untuk mengadakan pasukan bomba atau penyelamat sendiri kerana perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan adalah di luar bidang kuasa PLUS dan dianggap juga sebagai perkhidmatan profesional yang memerlukan kepakaran dan latihan yang lengkap.

Walau bagaimanapun, PLUS memang mendapatkan kerjasama dari jabatan-jabatan atau agensi-agensi pertubuhan-pertubuhan seperti Jabatan Bomba, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Kesihatan, Persatuan Bulan Sabit Merah dan St. John Ambulan bagi memberi bantuan kepada mangsa-mangsa kemalangan di lebuh raya bila diperlukan.

Di samping itu, seperti saya nyatakan tadi, Pasukan PLUS Ronda lazimnya akan memberikan bantuan awal kepada mangsa-mangsa kemalangan sebelum mendapat bantuan lanjut dari pihak-pihak berkenaan yang bertanggungjawab.

Dr. Tan Kee Kwong: Adakah kementerian mempunyai apa-apa perancangan untuk mewajibkan semua pemandu untuk mengikuti kursus cara mana mengelakkan kemalangan dalam tempoh 5 tahun sekali?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ini adalah bidang kuasa kawan saya di hadapan ini [*Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam*] Kementerian Pengangkutan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, tadi ada dikatakan khidmat PLUS Ronda, tetapi apabila kereta kita berlaku kerosakan di lebuh raya pihak PLUS Ronda ini memanggil orang lain

untuk menarik workshop tertentu untuk menarik kereta-kereta. Kemudian kereta yang rosak itu pula dikenalkan tol juga walaupun sedang ditunda iaitu ditarik melintasi tol - kena tol juga pada kereta yang rosak itu dan kereta tersebut ditarik ke workshop tertentu.

Jadi, adakah apakah PLUS sendiri tidak bercadang untuk membina workshop di sepanjang lebuh raya di beberapa tempat untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil untuk mengelak mereka beri kepada workshop yang tertentu yang mencaj dengan begitu mahal dan mengambil peluang ke atas kerosakan kereta di lebuh raya?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa yang menggunakan lebuh raya ini memanglah bayar tol, rosak atau tidak. Selepas plaza tol ini, mestilah bayar tol.

Yang kedua, kita ada PLUS ronda ini memang untuk membantu kenderaan mereka yang telah rosak dan cara mana kita hendak mengadakan workshop sendiri ini pun di luar sebab jalan raya ini diswastakan dan kita perlu juga mengambil tanah di sebelah di mana jalan raya ini bukan kepunyaan PLUS dan ini juga menjadi satu masalah.

MINYAK MENTAH DUNIA TURUN HARGA - KESAN TERHADAP HARGA RUNCIT

9. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kenapakah harga runcit barangan minyak di negara ini tidak pernah diturunkan walaupun harga minyak mentah di pasaran dunia telah turun beberapa kali?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan harga minyak mentah di pasaran dunia sentiasa turun naik disebabkan berbagai faktor mengikut keadaan politik dan ekonomi dunia. Pada awal tahun 1996, harga minyak mentah adalah rendah, tetapi mulai bulan Jun, 1996, telah meningkat semula dan dijangka kekal di paras tinggi sehingga akhir tahun 1996. Ini adalah kerana keadaan politik yang tidak menentu di negara-negara Teluk Parsi dan Asia Tengah yang membekalkan minyak ke negara-negara Asia Pasifik termasuk Malaysia.

Keadaan ini menyebabkan harga postings ke atas petrol, diesel dan LPG dalam negara turun naik. Dalam bulan Januari 1996, harga postings bagi

petrol tanpa plumbum berada dalam 37.74 sen seliter turun pada bulan Februari pada paras 37.71 sen seliter tetapi kemudian meningkat sehingga ke paras 46.26 sen seliter pada bulan Mei, dan menurun semula hingga bulan Oktober tetapi masih lebih tinggi dari paras bulan Januari 1996 yang lalu.

Keadaan yang sama juga berlaku ke atas harga postings petrol berplumbum, diesel dan LPG. Bagi LPG khususnya harga postings yang tinggi menyebabkan kerajaan terpaksa berbelanja di antara RM16.1 juta hingga RM23.1 juta sebulan sebagai sokongan harga antara bulan Januari hingga Disember 1996 untuk mengekalkan harga LPG pada paras harga sekarang.

Kerajaan mengambil keputusan untuk mengekalkan kedudukan harga runcit barangan petroleum supaya negara tidak mengalami keadaan turun naik harga setiap masa dan tidak mengikut trend harga pasaran dunia.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah usaha kementerian untuk meningkatkan penggunaan gas asli bagi kenderaan sebagai pengganti petrol, seperti membina lebih banyak stesen gas dan berapakah amaun yang dapat dijimatkan oleh seseorang pengguna apabila kenderaan mereka menggunakan gas asli menggantikan petrol kerana didapati harga runcit petrol lebih tinggi dari gas asli? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan menggalakkan penggunaan LPG dan banyak stesen minyak telah digalakkan mengadakan pam atau alat-alat untuk menjual LPG.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat maklumat daripada Setiausaha Parlimen, bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap cadangan layan diri di kios minyak? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sambutannya adalah memuaskan. Itulah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Dato' S'ng Chee Hua.

[Soalan No. 10 - Y.B Dato' S'ng Chee Hua (Julau) tidak hadir]

TENAGA SOLAR - CADANGAN MEMPERKENALKANNYA DI KAWASAN PEDALAMAN SELAIN PENGGUNAAN GENERATOR

11. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah apa-

apa cadangan untuk memperkenalkan tenaga solar di kawasan-kawasan terpencil di mana tenaga elektrik hanya diberi oleh generator itu pun untuk masa yang singkat.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kerajaan sememang bertujuan mencari cara-cara bagi meningkatkan penggunaan tenaga solar untuk membekalkan tenaga elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan terpencil yang belum menerima bekalan elektrik dan belum dihubungkan dengan sistem gred. Ke arah ini kerajaan telah melaksanakan beberapa projek bekalan elektrik menggunakan tenaga solar di beberapa kawasan terpencil termasuk di negeri Johor, Pahang, Perak, Sarawak dan Sabah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan melaksanakan beberapa projek tenaga solar di kawasan luar bandar khususnya di kawasan-kawasan terpencil. Sebanyak 484 unit solar dirancang dan dipasang di dua belas buah perkampungan di Sabah dan sebanyak 556 unit solar akan dipasang di empat belas buah perkampungan di negeri Sarawak.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk menggunakan tenaga solar untuk lampu-lampu jalan khususnya di lebuhraya?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kos modal ataupun capital cost bagi menggunakan tenaga solar masih tinggi berbanding tenaga-tenaga lain, maka setakat ini kementerian ataupun pihak kerajaan tidak ada cadangan untuk menggunakan tenaga solar ini untuk lampu jalan.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan satu pusat penyelidikan tenaga solar, memandangkan potensinya menjadi satu sumber tenaga yang bersih dan murah di negara ini. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada pusat penyelidikan ditubuhkan khusus untuk menjalankan penyelidikan solar. Walau bagaimanapun, kerajaan memang menggalakkan penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan lagi penggunaan teknologi solar dan dalam perkara ini peruntukan-peruntukan khusus telah pun disalurkan kepada universiti-universiti tempatan untuk tujuan tersebut.

Bila Pusat Tenaga Negara yang dicadangkan sekarang ini dapat ditubuhkan pada awal tahun depan, penyelidikan dan juga pembangunan meningkatkan lagi penggunaan teknologi solar akan dijadikan satu fungsi utama bagi Pusat Tenaga Negara ini.

PUSAT HIBURAN - JUMLAH DILESENKAN DAN DIDAKWA

12. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah lesen dan premis pusat-pusat hiburan khususnya pusat permainan video serta karaoke di sekitar Kuala Lumpur dan berapakah jumlah pengusaha pusat-pusat berkenaan yang telah didakwa kerana melanggar syarat-syarat perniagaan yang telah ditetapkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan September 1996, sejumlah 477 buah premis pusat-pusat hiburan telah dilesenkan. Daripada jumlah tersebut, pusat-pusat hiburan yang menyediakan mesin permainan video dan menjalankan aktiviti muzik dan nyanyian karaoke adalah seperti berikut:

(a) *Pusat Hiburan Dengan Aktiviti Permainan*

- Permainan video, simulator dan snuker (arked tradisional sama ada menyediakan mesin video sahaja atau bercampur dengan mesin simulator dan meja snuker) – 75 buah.
- Pusat Hiburan Sekeluarga (20% mesin video dan 80% mesin hiburan yang sesuai untuk keluarga) – 20 buah.
- Jumlah – 95

(b) *Pusat Hiburan Dengan Aktiviti Muzik dan Nyanyian Karaoke*

- Karaoke Lounge – 125
- Pub dan Restoran Karaoke – 48
- Jumlah – 173

(c) *Lain-lain premis hiburan – 209*

Pusat-pusat hiburan adalah dilesenkan mengikut syarat-syarat pelesenan di bawah Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1993. Sehingga September 1996, jumlah kes yang didakwa di mahkamah kerana melakukan kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b) (menjalankan perniagaan tanpa lesen) adalah sebanyak 39 kes.

Selain daripada itu, sebanyak 427 pusat hiburan dikeluarkan notis kompaun di atas berbagai-bagai kesalahan dan 17 diberikan surat tunjuk sebab. Di antara kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti termasuklah menjalankan aktiviti-aktiviti hiburan tanpa lesen, tidak memperbaharui lesen premis, membenarkan mereka di bawah umur 18 tahun masuk premis, menghidang minuman keras tanpa lesen dan melanggar syarat-syarat pelesenan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya beratus-ratus buah kedai dan kelab lesennya sudah diluluskan oleh pihak kerajaan. Tetapi saya tidak nampak kenyataan tadi mengandungi gejala-gejala yang negatif seperti pil ecstasy. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di pusat-pusat tersebut kadangkala timbul peminat-peminat pil ecstasy yang mendapat kenikmatan ecstasy di pusat-pusat tersebut? Kalau sedar, apakah tindakan yang diambil kerana mungkin ada setengah-setengah Yang Berhormat ini minat di dalam pil ecstasy, saya pun tidak tahu. [Disampuk] Tetapi saya tidak pernah dengar Yang Berhormat-Yang Berhormat menyebut mengenai pil ecstasy, bagaimana kita boleh mencegahnya.

Seorang Ahli: Ini tuduhan palsu!

Dr. Tan Seng Giaw: Termasuk parit yang "Sulong".

Seorang Ahli: Tuduhan palsu!

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak palsu langsung! Tulen punya! Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan masalah ini kerana pada akhir-akhir ini bilangan pemuda yang minat di dalam pil ecstasy sudah bertambah dan walaupun ada diambil tindakan oleh pihak kerajaan, tetapi tidak begitu berkesan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita hanya boleh ambil tindakan di bawah Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1993. Perkara-perkara kesalahan seperti aktiviti hiburan tanpa lesen, tidak memperbaharui lesen premis, membenarkan budak di bawah umur 18 tahun masuk, yang ini kita boleh ambil tindakan. Macam pil ecstasy ini, itu kes jenayah, luar daripada akta ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sekadar untuk rekod. Masalah pil ecstasy, saya sudah bercakap panjang semasa Supplementary Budget, cuma Yang Berhormat dari Kepong tidak dengar. Saya cuma hendak tanya, adakah benar seperti mana yang diperkatakan oleh setengah-setengah golongan awam bahawa terdapat wanita-wanita daripada Republik Rakyat China

sekarang ini menjadi GRO di pusat-pusat karaoke?

Yang keduanya, benar atau tidak terdapat setengah-setengah operators pusat-pusat karaoke adalah daripada orang-orang luar, khususnya dari Jepun?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada di antara mereka yang menjadi GRO yang datang dari negara asing, sudah tentu kita akan mengambil tindakan dan ia tidak diizinkan oleh undang-undang negara kita.

IKAN KELISA EMAS - TINDAKAN PERLINDUNGAN DARI KEPUPUSAN

13. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai] minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha yang dibuat bagi memastikan supaya ikan Kelisa Emas dari Kolam Bukit Merah selamat daripada pemburu-pemburunya yang terlalu ramai. Sejauh manakah kejayaan kementerian membiakkannya dalam kurungan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan menyedari bahawa Ikan Kelisa Emas (Golden Dragon Fish) kini menjadi buruan peniaga dan penggemar ikan hiasan disebabkan kecantikan dan harganya yang tinggi di pasaran dalam dan luar negara.

Keadaan yang sama juga terjadi di Tasik Bukit Merah dan perairan berhampiran yang menyebabkan bilangannya semakin berkurangan. Bagi mengelakkan ikan Kelisa Emas ini daripada pupus, beberapa tindakan perlindungan sedang diusahakan iaitu:-

- (i) memperketatkan kawalan terhadap aktiviti penangkapan ikan di perairan sungai, tasik dan lain-lain perairan darat menurut Kaedah-kaedah Perikanan (Sungai) Negeri Perak 1992 yang membolehkan pihak kerajaan negeri mengurus, memulihara dan menguatkuasakan perlindungan sumber ikan di sungai, tasik dan lain-lain badan perairan darat;
- (ii) cadangan pembiakan dan melepaskan benih ikan kelisa ke perairan umum masih di peringkat perancangan. Ini memandangkan bahawa projek pembiakan ikan tersebut adalah masih terlalu kecil dan tidak mampu untuk menampung permintaan pasaran.

Bagaimanapun, adalah menjadi amalan Jabatan Perikanan melepaskan benih-benih ikan ke perairan umum bagi membolehkannya membiak secara semula jadi. Bagi ikan kelisa, perkara ini akan dapat dilaksanakan apabila terdapat bekalan benih yang mencukupi bagi tujuan tersebut;

- (iii) setakat ini, hanya 3 buah syarikat yang menjalankan projek pengeluaran benih ikan kelisa untuk tujuan komersial di Batu Pahat, Johor dan jumlah pengeluaran benih tidak diperolehi.

Bilangan anak Ikan Kelisa Emas yang dieksport pada tahun 1995 ialah sebanyak 9,337 ekor yang bernilai RM4.68 juta iaitu lebih kurang RM500 seekor. Dari bulan Januari hingga bulan Oktober 1996, sejumlah 9,673 ekor telah dieksport dengan nilai sebanyak RM4.8365 juta.

Pihak Kementerian Pertanian telah dan sedang menjalankan penyelidikan terhadap ikan kelisa ini termasuk pembiakan dalam kurungan. Benih-benih Ikan Kelisa Emas asli dari kawasan Tasik Bukit Merah telah dibeli pada tahun 1991 bagi tujuan pembiakan. Ikan-ikan ini telah pun matang dan sedang membiak.

Kini Kementerian Pertanian telah mempunyai teknologi bagi pembiakan ikan kelisa ini hasil dari penyelidikan yang telah dijalankan. Nelayan, penternak dan pengusaha swasta adalah digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembiakan ikan ini. Pihak Jabatan Perikanan sedia membantu memberi khidmat nasihat teknikal kepada para nelayan, penternak dan pengusaha untuk tujuan pembiakan ikan ini.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mengetahui bahawa kelisa ini sedap rasanya kalau dimasak dan memang dibuat karikah, dimasak memang enak, sayangnya sekarang harganya begitu mahal, jadi orang tidak lagi memakan ikan ini. Adakah usaha yang bersungguh-sungguh daripada Kementerian Pertanian lebih-lebih lagi di kawasan yang berhampiran iaitu di tempat asalnya di Bukit Merah yang sekarang ini juga menjadi tumpuan orang oleh kerana hendak dibangunkan sebagai kawasan pelancongan, saya rasa ikan ini kalau tidak diawasi, maka sudah tentu bilangannya mungkin akan pupus oleh kerana terlampau ramai orang hendakkan ikan ini. Kita harap kalau ada usaha bersungguh-sungguh di masa hadapan, saya hendak bertanya

kementerian biarlah sebahagiannya dipelihara untuk dimakan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, masalah boleh makan atau tidak boleh makan itu tidak timbullah asalkan kita teringin, harga mahal makan dan juga peliharalah, terpulang kepada orang-orang perseorangan. Tuan Yang di-Pertua, memanglah Ikan Kelisa Emas ini memanglah didapati di kawasan Kerian, Bukit Merah dan juga kawasan antara Kedah dan Perak. Masa dahulu kita telah bincangkan supaya dilesenkan peniaga-peniaga ikan itu supaya diaturkan sebegitu rupa sehinggakan kita dapat menyelesaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang telah diperkatakan tadi ialah masalah pembiakan dan sekarang ini kita telah membiak ikan ini dan insya-Allah kalau sudah ada orang-orang tertentu yang ingin, misalnya di tiga buah syarikat telah mengadakan pembiakan ikan ini dan insya-Allah kalau bolehlah pengusaha-pengusaha tempatan perlu tampil ke hadapan untuk membiakkan ikan ini. Terima kasih.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran ikan yang bermutu di negara kita ini? Dan apakah jenis-jenis ikan yang terkenal dan disukai ramai di kalangan pengguna ataupun consumer?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini pihak kementerian sedang menjalankan pembiakan ikan dan antara ikan-ikan yang telah dibiakkan ialah termasuk termeloh yang begitu popular, jelawat, ikan keli pun masih lagi, ikan haruan walaupun harga murah tetapi adalah benda yang kita gunakan untuk operation. Satu lagi adalah ikan, ikan apa tak tahu. Jadi, itulah yang, ikan patin satu lagi. Itulah yang kita insya-Allah, di Sarawak tidak tahulah, kita sedang mengkaji untuk dibiakkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

[Soalan No. 14 -Yang Berhormat Tuan Haji Hadi bin Haji Awang (Marang) tidak hadir]

PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH - SAMBUTAN PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

15. **Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sejauh manakah pemaju-pemaju perumahan menyambut langkah-langkah kerajaan untuk membina rumah kos rendah; dan
- (b) setakat ini adakah pemaju-pemaju yang telah disenaraihitamkan kerana keengganan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri sebagai pihak yang berkuasa meluluskan projek-projek perumahan mensyaratkan kuota rumah kos rendah dalam projek pembangunan perumahan oleh pemaju swasta.

Justeru itu, bagi tempoh 1994 - 1995 sejumlah 334 projek perumahan yang mengandungi 41,569 unit rumah kos rendah diluluskan untuk dimajukan oleh pemaju swasta. Kuota rumah kos rendah dikuatkuasakan oleh kerajaan negeri sebagai satu syarat berkaitan kegunaan tanah. Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap pemaju yang enggan memberi kerjasama.

Setakat ini bilangan unit rumah kos rendah yang diluluskan untuk pembinaan mengikut negeri di bawah Program Perumahan Pemaju Swasta Berlesen adalah seperti berikut, dan saya hanya bacakan tiga negeri yang tertinggi.

<u>Negeri</u>	<u>1994</u>	<u>1995</u>
Selangor	5,606	7,897
Johor	5,165	4,096
Pahang	2,358	1,726

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.4, 10, 14 dan 16 Hingga 33 dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE
DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN
PROSEDUR JENAYAH (PINDAAN) 1996**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
1997**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" [*Hari Keempat Belas*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.47 [Jadual -

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan, 1997] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Perbahasan di sambung semula di bawah B.47 dan P.47. Bagan.

3.36 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka menyentuh Butiran 090100 iaitu Pengawalan Masalah Keselamatan Jalanraya.

Tuan Pengerusi, minggu lepas sebuah bas membawa pelancong dari Singapura telah menemui kemalangan maut di Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban. Punca kemalangan dikatakan berlaku

apabila bas tersebut melanggar sebuah lori yang tersadai di tepi jalan.

Tuan Pengerusi, dalam Dewan yang mulia ini saya pernah membangkitkan kenderaan yang rosak atau berehat di tepi jalan dan kadang-kadang di tengah-tengah jalan yang mengakibatkan kemalangan maut. Pernah saya kata, lori yang membawa besi keluli di mana besi keluli panjang dari badan lori dan apabila kereta atau motosikal melanggar daripada bahagian belakangnya, pemandu atau penumpang kereta akan menjadi seperti sate cucuk.

Dalam satu minggu ini sahaja, Tuan Pengerusi, saya pernah nampak dengan mata sendiri beberapa kes motosikal melanggar belakang lori. Baru-baru ini di simpang jalan berdekatan perkampungan Permatang Tinggi di Seberang Perai, seorang gadis muda digelek mati oleh sebuah lori. Dekat Jalan Bukit Tengah, juga di Seberang Perai, sebuah treler rendah, iaitu low loader berhenti di sebelah kiri Jalan Bukit Tengah. Ada seorang gadis lebih kurang berumur 20 tahun turut melanggar belakangnya dan mati dengan serta-merta. Dekat Lebuhraya Sungai Petani, dua orang yang menaiki motosikal melanggar belakang lori yang rosak di tepi lebuhraya dan terus mati.

Sikap tidak tanggungjawab pemandu lori patut ditegur dan mungkin JPJ perlu memastikan lori-lori membawa bersama-sama mereka kon-kon plastik atau lampu isyarat bersama supaya apabila mengalami kerosakan di tepi jalan, mereka boleh membuat tanda-tanda supaya orang boleh mengawasinya.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang, lori-lori atau kenderaan-kenderaan yang melakukan kesalahan atau melakukan kemalangan, mahupun maut atau kecederaan, mereka hanya didenda dengan wang ringgit dan yang paling maksimum menggantung lesen dan segala pampasan mungkin akan ditanggung oleh syarikat insurans dan lain-lain tidak apa-apa lagi.

Saya mengesyorkan supaya pemandu-pemandu yang cuai, yang mengakibatkan kemalangan maut mahupun di tepi jalan atau di lebuhraya, pemandu ini perlu dipenjarakan dan bukan sahaja didenda dengan wang ringgit. Dengan cara penjara ini barulah mereka akan mengambil sikap yang lebih serius dalam mencegah kemalangan.

Tuan Pengerusi, PLUS juga kena ditegur kerana tidak mengambil tindakan serta-merta mengalihkan kenderaan rosak atau memasang kon-kon atau

lampu-lampu kecemasan. Bas yang melanggar lori itu dikatakan lori telah rosak pada jam 10.00 malam tetapi kemalangan berlaku pada siang pagi, lebih kurang 6 jam tidak ada apa-apa tindakan diambil untuk mengalih atau memasang tanda kon-kon itu. Dan ini bukankah satu kecuaiian, bukankah satu tindakan yang patut diambil oleh pihak PLUS untuk mencegah kemalangan ini?

Bersangkut paut dengan kemalangan-kemalangan di mana selalunya kereta melanggar kenderaan dari belakang, saya juga khuatir bahawa di sepanjang Lebuhraya Changkat Jering apabila musim buah-buahan, terutama sekali musim buah durian, banyak kereta berhenti di tepi lebuhraya untuk membeli buah-buahan ini. Kita tidak mahu tengoklah lagi satu kemalangan maut yang begitu dahsyat berlaku. Saya berharap sesuatu tindakan akan diambil supaya tidak berlaku kemalangan yang begitu serius ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh perkara di bawah Butiran 01200.....

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Jelebu bangun minta jalan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai dengan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bagan berkenaan penjualan buah-buahan di Taiping pada waktu musim durian. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya sekurang-kurangnya mencari tempat dan mengenal pasti tempat-tempat yang bersesuaian untuk peniaga-peniaga buah-buahan tersebut berniaga sewaktu musim buah-buahan dan untuk mengelakkan kemalangan yang berlaku di sepanjang Lebuhraya Taiping itu?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, cadangan Yang Berhormat dari Jelebu adalah benar sekali dan patut dikaji dengan mendalam iaitu membuka kawasan di tepi jalan itu supaya penjaja-penjaja boleh menjual durian atau buah-buahan tempatan di sepanjang lebuhraya dekat Changkat Jering.

Tuan Pengerusi, tadi saya kata Butiran 01200 iaitu Sambungan Rel ke North Butterworth Terminal Container (NBTC). Satu perbelanjaan RM74 juta akan dibelanjakan untuk menyambung rel dari Prai ke Butterworth supaya boleh memberi perkhidmatan kontena di NBTC. Saya suka bertanya di sini kerana jalan rel ini ada terlibat

dengan setinggan-setinggan atau rumah-rumah yang berdekatan sana, setakat ini sama ada kerajaan berhasrat atau telah pun memberi pampasan untuk setinggan-setinggan atau penghuni-penghuni di sepanjang jalan rel ini yang akan disambung itu.

Butiran 00200 iaitu Kajian Projek-projek KTM. Tuan Pengerusi, kini Malaysia telah dilantik sebagai negara yang mengutamakan semua negara dalam pengajian Trans-Asia Railway, iaitu dari Singapura ke Kunming, negeri China. Saya suka bertanya di sini, tadi kami telah pun mendapat jawapan dari Timbalan Menteri Kementerian Pengangkutan bahawa memandangkan kereta rel elektrik sangat tinggi harganya dan tidak mampu kami melaksanakan pada masa sekarang. Saya ingin tahu, jikalau kereta api dalam negara kita sendiri pun perkhidmatannya tidak begitu memuaskan, bagaimana kita boleh mengadakan satu perkhidmatan Trans-Asia Railway dari Singapura ke Kunming pada masa sekarang kerana dari Butterworth ke Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur ke Butterworth, ia akan mengambil masa 9 jam untuk sampai ke destinasi tetapi bas ekspres hanya 4 jam dan jikalau kami membawa kereta sendiri, ia boleh sampai dalam masa tiga jam setengah. Sama ada kerajaan akan mengambil langkah supaya perkhidmatan rel dari Kuala Lumpur-Butterworth atau Kuala Lumpur-Singapura dapat dipendekkan masa supaya menjimatkan masa orang ramai.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang perkhidmatan KTM juga tidak memuaskan kerana jikalau kami tidak sempat pergi ke kaunter-kaunter railway station untuk menempah atau membeli tiket-tiket dan kami ingin menelefon untuk menempah tiket. Telefon atau tempahan kami tidak akan dilayan langsung. Saya ingat perkhidmatan atau servis yang diberi oleh KTMB ini sama sekali tidak boleh diterima dan diharap layanan yang lebih sempurna dan lebih memuaskan boleh diberikan dahulu.

Tuan Pengerusi, Butiran 070000 dan 080000 iaitu Jabatan Keretapi (KTMB) berkenaan dengan harta tanah KTMB. Harta tanah KTMB kini mungkin ada 8,000 hektar dan projek-projek pembinaan, iaitu bukan pembinaan rel dan bukan pembinaan stesen kereta api tetapi dimajukan sebagai satu pusat komersial, baik pun pusat kediaman. Saya ingin bertanya di sini, bagaimana caranya ia dijalankan seperti hartanah di Singapura, di Sentul dan khususnya di Prai? Dan kini Prai telah diambil oleh Premier Prai Sdn. Bhd. untuk memajukan sebidang tanah lebih kurang 50 ekar

di Prai. Dalam konteks ini, pemaju Premier Prai yang ambil alih tanah ini tidak membina rumah-rumah kos rendah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya habiskan ayat ini sahaja. Tadi satu soalan timbul di mana kerajaan ada memutuskan bahawa semua projek perlu ada rumah kos rendah dan saya ingin tahu mengapa projek ini tidak ada sama sekali rumah-rumah kos rendah? Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tambun.

3.49 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Pengangkutan Laut, termasuk Maritim serta Urusetia Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri.

Kita sedia maklum bahawa kita menghadapi defisit akaun perkhidmatan akibat daripada bertambahnya bayaran freight kepada syarikat perkapalan asing serta bertambahnya kadar freight daripada shipping conference - far eastern freight conference.

Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa usaha yang lebih gigih harus dijalankan untuk meningkatkan industri perkapalan negara kita. Seperti mana kita sedia maklum bahawa dari segi penguasaan perkapalan kita untuk membawa barangan dagang kita ke luar negara kita, syarikat perkapalan negara hanya mampu menguasai antara 10% hingga 15% sahaja, manakala di dalam industri perkapalan domestik kita menguasai 30% sahaja.

Antara isu yang saya ingin bangkitkan mengenai dengan kedua-dua sektor ini adalah, pertama, bahawa kebanyakan syarikat perkapalan yang menguasai sektor ini ialah syarikat-syarikat kapal yang dimiliki oleh kerajaan. Saya berpendapat bahawa kementerian harus memainkan peranan yang lebih untuk menambah bilangan pelabur swasta dalam sektor ini serta menjadi penyelaras kepada semua faktor yang terlibat bagi mempertingkatkan industri perkapalan di negara kita.

Sehubungan itu juga, saya ingin bertanya kepada kementerian, terutama peranan Lembaga Pelesenan Perkapalan dalam negeri, saya difahamkan pada pertengahan tahun 1980-an,

kerajaan telah memperkenalkan cabotage policy, di mana bahawa pada ketika itu, sebahagian besar daripada perkapalan domestik dikuasai oleh syarikat-syarikat asing. Di bawah polisi ini, syarikat-syarikat asing dikehendaki untuk mendaftar dengan Lembaga Pelesenan Perkapalan dalam negeri dan antara syaratnya adalah bahawa syarikat-syarikat perkapalan asing ini mesti mempunyai rakan kongsi daripada rakyat Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan penguasaan rakyat Malaysia dalam sektor perkapalan terutama perkapalan domestik. Daripada tahun 1980-an sehingga tahun 1996 telah lebih 12 tahun sistem ataupun polisi ini dijalankan, masih lagi kita gagal untuk meningkatkan pemegangan ekuiti kita dalam sektor perkapalan domestik.

Di samping itu juga, saya difahamkan ada syarikat-syarikat Malaysia yang menjadi 'fronting' kepada syarikat-syarikat asing, apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Saya juga ingin menyentuh tentang soal industri perkapalan ini bukan semata-mata bergantung kepada kita memiliki kapal di lautan, dia juga bergantung kepada inland services, selain daripada kita meningkatkan efficiency serta effectiveness pelabuhan-pelabuhan kita. Kita memerlukan sistem pengangkutan gudang atau warehousing yang mencukupi supaya industri perkapalan ini menjadi begitu efisien dan efektif.

Sehubungan dengan itu, kita dapati bahawa Keretapi Tanah Melayu telah gagal memainkan peranan untuk meningkatkan industri perkapalan kita. Sebagai contoh, untuk kargo yang dibawa melalui inland kontena terminal di Ipoh, untuk dibawa dari Ipoh ke Port Klang, paling awal sekali, kargo ini akan sampai ke Port Klang adalah empat jam lewat daripada jadual. Itulah yang paling baik sekali, paling efisien sekali empat jam baru kargo itu sampai ke Pelabuhan Klang. Dan akibat daripada tidak adanya efficiency inilah, saya percaya mengapa pedagang-pedagang kita lebih gemar menggunakan Pelabuhan Singapura.

Saya difahamkan di Pelabuhan Singapura akan menjimatkan antara satu hingga dua hari untuk kargo ini dibawa ke negara-negara eksport yang dikehendaki oleh pedagang-pedagang kita.

Saya juga ingin menyentuh tentang soal industri pembinaan dan pembaikan kapal. Saya dapati bahawa negara-negara di rantau ini terutama Filipina, Thailand, Indonesia dan India sedang mempergiatkan serta mengembangkan industri

pembinaan dan pembaikan kapal kerana potensi yang ada dalam industri ini begitu besar seperti mana yang kita sedia maklum.

Pada peringkat sekarang, kita bergantung kepada negara-negara asing. Akibat daripada itu berlaku pengaliran keluar tukaran asing ke negara kita. Saya berpendapat bahawa kementerian harus memberi tumpuan, perhatian serta emphasis kepada industri pembinaan dan pembaikan kapal. Sekiranya kita mahu menjadikan industri perkapalan ini satu industri yang penting bagi negara kita dan saya tentunya menyokong kerana kita sedia maklum bahawa negara kita akan menjadi negara eksport yang besar melalui PIT dan Teknologi Maklumat dan adalah penting untuk kita menguasai sektor perkapalan ini supaya jangan nanti kita disabotaj oleh negara-negara lain.

Kita tahu melalui WTO, kerajaan-kerajaan negara Barat mahu memperkenalkan Sistem Perdagangan Bebas melalui WTO dan besar kemungkinan nanti bahawa dengan mereka menguasai sektor perkapalan, saya difahamkan hanya 12 syarikat multinasional sahaja menguasai lebih daripada 50% daripada keseluruhan saiz perkapalan dunia dan 12 syarikat ini boleh memainkan peranan untuk sabotaj negara kita sekiranya kita tidak mempunyai syarikat-syarikat perkapalan yang begitu kuat.

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh, tentang satu isu mengenai dengan pengangkutan perkapalan bukan di atas konsep FOB, sekarang ini konsep CIF. Apabila kita mengeksport produk kita di bawah konsep CIF ini, biasanya negara yang mengimport barangan akan menggunakan syarikat perkapalan mereka dan apabila kita mengimport barangan, sepatutnya kita menggunakan syarikat perkapalan kita di bawah sistem CIF.

Tetapi oleh kerana negara-negara pengeksporth menawarkan kadar freight yang lebih murah daripada syarikat perkapalan kita, maka kita tidak dapat bersaing di situ, dengan itu kita rugi apabila kita mengeksport dan apabila kita mengimport pun kita rugi. Saya berharap bahawa kementerian akan memberi perhatian kepada perkara ini.

Satu lagi perkara, kita sekarang sedang menuju kepada blok serantau dari segi perdagangan ekonomi kita. Kita akan menubuhkan AFTA dan sebagainya. Saya difahamkan negara-negara dalam blok AFTA sedang bersedia sedia untuk bersaing dari segi pengangkutan barangan melalui perkapalan nanti dan saya berharap bahawa kita juga akan bersedia untuk menghadapi peningkatan

persaingan untuk intra regional trade nanti dan saya juga berharap bahawa dengan sikap negara-negara maju yang begitu tegas untuk mengadakan perdagangan bebas dunia melalui GATTs dan sebagainya, kita harus bersiap sedia menghadapi masalah yang mungkin akan timbul nanti.

Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan, apa yang dibangkitkan oleh rakan kita sebelum ini tentang Trans Asian Railway. Saya difahamkan bahawa tujuan Trans Asian Railway ini adalah untuk pengangkutan kargo sejauh 4,700 kilometer daripada Singapura

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta berhenti sekejap, ada Pengumuman.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu bersama-sama kita dalam Dewan ini ialah Tuan Yang Terutama Samane Vignaket, Presiden International Assembly of Lao Peoples Democratic Republic dan rombongan.

Bagi pihak Majlis, Dewan Rakyat Malaysia, saya mengucapkan Selamat Datang ke negara ini kepada delegasi tersebut. [Tepuk]

Sila sambung Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, terima kasih. Seperti mana saya nyatakan, saya ingin menyentuh tentang Trans Asian Railway. Saya difahamkan untuk tujuan mengangkut kargo bagi perjalanan sejauh 4,700 kilometer daripada Singapura melalui Kuala Lumpur, Bangkok, Cambodia, Vietnam serta Khooon Minh di selatan negara China, pihak KTM akan dilantik sebagai konsultan untuk membuat kajian feasibiliti dan negara kita telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta sebagai lead manager bagi tujuan mengadakan kajian feasibiliti tersebut.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah rasionalnya projek ini, tidakkah pengangkutan kargo lebih efisien melalui kapal daripada melalui kereta api dan tidakkah nanti kita akan menghadapi risiko-risiko dalam perjalanan yang begitu jauh, bukan sahaja risiko dari segi tempoh waktu juga risiko dari segi masyarakat dalam perjalanan daripada Singapura ke Khooon Minh nanti.

Tuan Pengerusi, itu sahaja, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

4.00 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak bercakap panjang, 10 minit, 15 minit sahaja. Saya ingin merujuk kepada Butiran 060000 Pengangkutan Darat.

Masalah yang selalu kita bincangkan dan kita dengar dalam surat khabar dan televisyen iaitu pengangkutan, pemandu, perandai pemandu dan teksi. Pada masa sekarang, sebagaimana yang kita ketahui pihak kementerian telah mengambil tindakan khusus untuk membendung budi pekerti dan perandai pemandu teksi seluruh negara terutama sekali di Kuala Lumpur. Tujuan utama ialah untuk menunggu kedatangan para atlit pada 1998 di mana Malaysia telah dilantik menjadi tuan rumah pada Sukan Komanwel. Tetapi, nampaknya tindakan-tindakan kerajaan ini tidak mendatangkan kesan yang begitu baik walaupun diambil dengan gih dan teratur.

Baru-baru ini kita telah mendengar, pada pagi tadi telah saya baca, iaitu bukan sahaja harga tambang teksi naik, sekarang cara macam satu persetujuan di antara pemandu teksi di seluruh Bandaraya Kuala Lumpur. Saya pengguna teksi sebab tidak ada kereta. Kalau kita hendak pergi daripada hotel yang sejauh mungkin 1 kilometer, 2 kilometer pun dia charge RM5. Memang secara borong, dia tidak guna meter lagi. Jadi, soalan saya di manakah pegawai-pegawai penguatkuasa, pegawai polis ataupun pegawai-pegawai pengangkutan yang dulunya membuat satu penguatkuasaan kepada pemandu-pemandu teksi yang berbuat demikian. Sekarang kita nampak, pemandu teksi ini berkumpul di tiap-tiap hotel besar. Mereka ini memang tidak ambil penumpang melainkan kena bayar RM5. Buat persetujuan dulu, kalau tidak mahu dia tidak akan hantar.

Jadi, saya berharap pihak jabatan dan kementerian mengambil tindakan khusus sebelum 1998 kerana mereka ini adalah front liner dengan izin, kepada negara kita menunjukkan kebaikan dan budi pekerti orang di negara kita ini. Kerana pada masa itu nanti, bukan Sukan Komanwel itu mendatangkan hasil dan kesan yang baik kepada kita tetapi memburukkan nama negara. Oleh kerana segelintir yang kecil yang disebutkan nama

pemandu teksi di seluruh negara membuat tindakan-tindakan yang kurang memuaskan.

Tuan Pengerusi, satu lagi di bawah Program 060400 Pengujian dan Pelesenan Pemandu. Ini juga kita telah digembar-gemburkan dengan cerita-cerita yang mana banyak pemandu yang berlumba, pemandu buli dan sebagainya di seluruh negara. Jadi, ini telah mendatangkan kegerunan kepada semua orang yang berada di jalan raya kerana kita tidak tahu bilakah masanya kita akan terkena. Jadi, dalam keadaan sedemikian, adakah pihak kementerian membuat satu penyelidikan, kenapakah orang Malaysia yang boleh bersikap halus, manis, budi pekerti yang tinggi ini, kalau duduk di belakang 'stering wheel' dia itu menjadi manusia yang buas, yang tidak sedar dengan orang lain, tidak bertimbang rasa, pemaarah dan sebagainya.

Jadi, saya berharap pihak kementerian boleh membuat satu penyelidikan dan semua pemandu yang dijumpai mempunyai 'track record' yang banyak berlaku kemalangan dan kesalahan, diberi kaunseling, dibuatkan satu sekolah. Jadi, dalam keadaan yang sama kita sebelum memberi lesen kepada tiap-tiap pemandu, terutama sekali pemandu-pemandu teksi. Macam mana yang dibuat di England, mereka mesti menjalani satu kursus selama 12 bulan dan diuji setiap ilmu dan pengetahuan berhubung dengan pemandu teksi umpamanya. Ditanya di mana lorong ini, di mana tempat itu dan sebagainya, bukan sahaja daripada itu tetapi juga dilatih dari segi kemalangan jalan raya, macam mana hendak memberi pertolongan kecemasan dan sebagainya. Dan bagaimana hendak berinteraksi dengan orang lain.

Jadi, ini telah mendatangkan kebaikan kepada nama negara itu, sebagai mewujudkan sekumpulan manusia pemandu teksi yang baik dan mengetahui tugas dan tanggungjawab mereka.

Jadi, Tuan Pengerusi, oleh kerana perkara ini perlu dibuat dengan cepat, saya perlu berpindah ke soalan-soalan lain iaitu di bawah Butiran 070000 Jabatan Keretapi.

Ini juga satu persoalan. Kita mempunyai rangkaian keretapi di Semenanjung. Jadi, pagi tadi kita telah mendengar iaitu berkemungkinan tidak ada rangkaian yang sama dibuat di Sarawak dan Sabah. Jadi, bukan persoalan itu yang hendak saya bangkitkan. Persoalannya, kalau rangkaian keretapi ini dibuat, apakah kemudahan-kemudahan yang kita akan buat, akan beri kepada penumpang?

Lagi, saya ingin membawa perhatian pihak kementerian kepada rangkaian keretapi di negara-negara maju umpamanya di England. Kita nampak, di setiap perhentian keretapi disediakan kemudahan-kemudahan untuk menyimpan kereta. Jadi, dengan sendiri, orang menggunakan keretapi sebagai jalan jarak jauh dan kereta untuk mereka menghubungi stesen keretapi. Jadi, kereta boleh disimpan di tempat kereta dan mereka menaiki keretapi. Dalam keadaan sedemikian, mungkin langganan orang kepada keretapi boleh meningkat. Jadi, pada masa sekarang kalau kita dengar semua perbincangan berhubung dengan keretapi ialah perbincangan soalan servis dia, koc-koc keretapi yang canggih dan sebagainya dan tanah-tanah keretapi dimajukan untuk rumah, rumah pangsa dan rumah komersial yang lain. Tetapi kemudahan untuk pelanggan, yang mungkin menggunakan keretapi itu tidak diberi tumpuan dengan sendirinya pihak keretapi itu mengalami kerugian oleh kerana orang tidak naik keretapi itu.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya ingin mengesyorkan supaya di tiap-tiap daerah, kampung dan perhentian keretapi, kemudahan-kemudahan letak kereta ini mestilah diambil kira. Mestilah dibuat supaya semua orang seumpamanya, 30 batu, 40 batu jauh dari pusat bandar tidak datang dan masuk ke dalam bandar menggunakan kereta. Lebih baik dia menggunakan teksi supaya mengelakkan diri mencari tempat letak kereta di dalam bandar. Tetapi letak kereta di luar bandar, di mana mereka hendak naik keretapi itu mesti diberi kemudahan juga supaya boleh letak kereta daripada rumah boleh sampai ke stesen keretapi.

Jadi, kalau tidak ada dalam rancangan pihak KTM ataupun kerajaan untuk mendorong KTM, saya berharap pihak kementerian memikirkan cadangan saya ini supaya perkara-perkara orang tidak melanggan keretapi ataupun kerugian keretapi, langganan yang berkurangan ini tidak berlaku.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh di bawah Program 010600 Pengangkutan Darat. Tengah hari tadi, pukul 2.30 petang dalam persoalan berbangkit di Dewan ini iaitu persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang pun ada, Ahli Yang Berhormat dari Barisan pun ada, mengatakan yang kereta-kereta yang terletak di tepi jalan dan sebagainya, itu mendatangkan merbahaya kepada pengguna jalan raya.

Jadi, Tuan Pengerusi, dalam jawapan yang diberi oleh pihak kementerian pada petang tadi,

mengatakan yang itu kalau ada berlaku kerosakan di jalan raya, kereta-kereta ringan iaitu pihak PLUS akan mengambil tindakan. Tetapi mengikut kemalangan yang berlaku baru-baru ini di antara bas dan lori, kereta besar itulah yang mendatangkan kemalangan. Yang mendatangkan bahaya yang begitu teruk hingga mendatangkan kematian begitu banyak.

Jadi, saya juga menyarankan supaya pihak PLUS mengadakan satu kemudahan apabila kereta dan lori dijumpai rosak di tepi jalan, mestilah ditarik. Jangan ditunggu sama ada pengusaha lori itu ataupun tuan punya lori itu mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menarik lori-lori mereka ke tepian jalan ataupun ke satu leeway shoulder jalan supaya selamat, tidak terlanggar. Dan kemudahan-kemudahan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dahulu kepada saya, iaitu umpamanya warning light dan sebagainya, untuk kerosakan ini dibuat satu benda yang wajib di dalam tiap-tiap kereta. Diwajibkan mengadakan benda-benda ini dan kalau benda-benda ini, semasa diperiksa tidak ada dalam kereta itu, pihak syarikat mempunyai kereta ini mestilah dihukum. Jangan pemandu sahaja Tuan Pengerusi, kalau hukum pemandu sahaja, pemandu itu gaji sudah tidak besar, hendak beli benda-benda ini, simpan dalam kereta orang punya bukan dia punya. Jangan kita hukum pemandu sahaja, kita kena hukum tuan punya kereta ini.

Saya berkali-kali sebut, kalau tuan punya kereta ataupun syarikat yang mempunyai kereta ini diberi satu tanggungjawab undang-undang untuk mengelakkan daripada satu bahaya ataupun malapetaka di jalan raya, insya-Allah, kita boleh mencari jalan yang lebih baik lagi, daripada meletakkan semua perkara ini ke bahu pihak pemandu.

Kita percaya kalau misalnya memandu dengan bahaya, memandu dengan laju dan sebagainya, mungkin kita boleh katakan ini adalah kesalahan pemandu. Tetapi keadaan kereta, kereta yang lampu signalnya tidak berfungsi, api tidak berfungsi, sport light tidak berfungsi dan peralatan di dalamnya tidak berfungsi, itu bukan pemandu yang salah. Tetapi tuan punya keretalah yang mempunyai tanggungjawab yang lebih besar daripada pemandu. Jadi, kita kena tekan perkara teknikal berhubung dengan pemandu yang boleh mendatangkan kesan yang buruk di jalan raya. Jika kita tidak memberikan tugas dan tanggungjawab kepada tuan punya kereta, dengan sendiri tuan punya kereta kata 'apa susah', kalau orang mati di jalan raya, insurans saya yang

bayar, saya sendiri boleh macam 'Rome terbakar' - tidak apalah tidak kisah, kerana tidak ada apa-apa pada dia. Jadi, kalau orang kena tuduh di mahkamah pun, pemandu saya yang dituduh, saya sendiri masih enjoy dengan benefit and profit, dengan izin, tugas dan tanggungjawab kepada tuan punya mestilah dibuat macam itu.

Begitu juga keseluruhannya seperti teks, kalaulah dijumpai seorang pemandu teks yang berkelakuan buruk, umpamanya, - betul, tuan punya teks tidak boleh memonitor apa-apa perbuatan pemandu dia. Sekarang ini kita boleh baca dalam surat khabar Tuan Pengerusi, pemandu teks demand sex daripada penumpang. Jadi, macam mana anak kita, isteri kita menaiki teks, kena demand oleh taxi driver macam ini? Saya tidak hendak dengar, tetapi itu dilaporkan dalam surat khabar pada pagi ini, teks drebar ini demand sex daripada penumpang, kalau dia nampak dalam cermin itu cantik, molek perempuan yang menumpang di belakang, maka dia demand. Jadi, kalau dia berhentikan teks di tengah jalan, kalau tidak beri, katanya 'you tinggal di sini' pada masa hujan lebat. Mahu tidak mahu berhenti sekejap 'buat'. Jadi, red-down kita punya sosial, Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu kita kena jaga hal ini.

Tuan Pengerusi: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya berharaplah pihak kementerian dapat memberi perhatian ke atas soal teks dan budi pekerti pemandu ini, kita kajilah betul-betul supaya sebelum perkara ini merebak dan menjadi satu penyakit yang tidak boleh diperbaiki.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa kita tidak boleh beri kesemua berucap kerana kita kesuntukan masa, kerana pada malam ini kita tidak boleh panjangkan mesyuarat, besok pun tidak boleh, lusa pun tidak boleh, hanya setakat ini sahajalah yang boleh. Jadi, saya benarkan hanya dua orang sahaja lagi - minta maaf. Siapa yang minta buat 'one, two sum' tidak apa. [Ketawa] Jadi, saya hendak tengok mana yang jarang berucap. Ya, Yang Berhormat, sila.

Dr. Ramli bin Taib: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Saya minta dua orang sahaja lagi, selepas itu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.07 ptg.

Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]: Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil masa lebih kurang 5 minit sahaja. Untuk Maksud P.47 ini saya ingin merujuk kepada Butiran 03601 dan Butiran 04900 - Pembinaan Jeti Kargo Bahaya Pelabuhan Kemaman.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian yang telah berusaha untuk meningkatkan kemudahan di pelabuhan ini dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM120 juta untuk penggorekan pelabuhan dan juga sejumlah RM35.1 juta untuk pembinaan jeti kargo bahaya (liquid chemical valve).

Apa yang ingin saya bangkitkan di sini Tuan Pengerusi, ialah mengenai prestasi pelabuhan ini. Walaupun menunjukkan peningkatan sedikit pada tahun 1995 dari tahun 1994, tetapi dari segi keseluruhannya ia tidaklah membanggakan. Walaupun pelabuhan ini merupakan pelabuhan air dalam yang terdalam di Malaysia dan mampu mengendalikan kapal sehingga 120,000 dead weight tonne, tetapi pengendalian kargo pada tahun 1995 hanyalah 2.5 juta tan berbanding dengan Pelabuhan Kuantan umpamanya 4.2 juta tan ataupun Pelabuhan Pulau Pinang iaitu 16.7 juta tan pada tahun 1995.

Kargo yang dikendalikan oleh pelabuhan ini hanya bergantung kepada bijih besi (scrap iron) yang diimport untuk Perwaja Steel yang berjumlah lebih 70% daripada kerja di pelabuhan ini, seolah-oleh pelabuhan ini bergantung 100% kepada Perwaja Steel. Jika Perwaja Steel tidak lagi mengimport bijih besi (scrap iron) ini, maka Pelabuhan Kemaman mungkin tidak beroperasi. Ini terbukti pada tahun 1994 ianya merekodkan jumlah kendalian kargo hanya 1.9 juta tan apabila Perwaja Steel menghadapi masalah.

Yang menyedihkan lagi Pelabuhan Kemaman ini diletakkan di bawah pengurusan Pelabuhan Kuantan dan pekerja-pekerja yang hanya 11 orang ialah dipinjamkan daripada Pelabuhan Kuantan.

Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, sampai bilakah perkara ini akan terus berlanjutan dan saya berpendapat pengurusan Pelabuhan Kemaman haruslah bersifat proaktif kerana perkembangan pelabuhan ini adalah tidak sejajar dengan perkembangan sektor industri di sekelilingnya dan saya dapati pelabuhan ini seolah-olah diabaikan oleh kementerian dengan tiada kemudahan-kemudahan yang lebih moden,

gudang-gudang (yard container) ataupun kren serbaguna dan sebagainya.

Saya ingin penjelasan daripada kementerian, apakah proses penswastaaan yang telah dilakukan untuk kedua-dua Pelabuhan Kemaman dan Kuantan ini sudah selesai? Saya ingin tahu juga apakah rancangan masa panjang untuk Pelabuhan Kemaman ini?

Yang akhirnya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kebersihan Pelabuhan Kuantan ini. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tengok jalan-jalan di sekeliling atau di sekitar kawasan di Pelabuhan Kuantan ini, di bahu-bahu jalan kurang diuruskan dengan semak, rumput tidak dipotong. Jadi kita minta pihak pengurusan Pelabuhan Kuantan supaya lebih prihatin terhadap kebersihan terutama di kiri-kanan jalan supaya ia lebih menarik dan mencerminkan keadaan sebenar sebagai salah sebuah pelabuhan yang sedang bidang kuasa di Pantai Timur. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

4.08 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P.47, Butiran 43001 - Lapangan Terbang Kota Bharu.

Menteri Besar Kelantan telah membuat pertemuan beberapa kali dengan Perdana Menteri dan persetujuan mulut seolah-olah telah ada iaitu untuk bersetuju supaya lapangan terbang itu diperbesarkan memandangkan sekarang ini penerbangan ke Kota Bharu - 7 daripada MAS, 3 daripada Pelangi Air, 2 daripada Asia Pasific Air Line dan bulan Januari akan datang penerbangan sudah ada 15, ditambahkan pula lagi dengan parking helikopter yang banyak sekarang ini, terutama helikopter yang berulang-alik untuk ke pelantar minyak dan pelantar gas yang sedang dan akan beroperasi di laut sebelah Kelantan dan Siam tidak lama lagi. Lapangan terbang itu di sudut ekonominya sesak dan perlu diperbesarkan segera.

Walaupun persetujuan mulut daripada Perdana Menteri telah pun ada, tetapi di sudut butirannya belum ada untuk memperbesarkan lapangan terbang tersebut. Biarlah besar sekarang, besok kalau BN memerintah, kan senang! Lapangan terbang sudah ada.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak menyentuh Maksud B.47, Program 010100 - Pentadbiran dan Butiran 13023 - Lapangan terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur - Sepang (KLIA). KLIA akan beroperasi. Lapangan terbang baru kita akan beroperasi pada tahun 1998, banyak pekerja terutama dari MAB bahagian keselamatan mereka berdoa semoga mereka tidak dipindahkan ke situ, sebab mereka lebih suka berkhidmat di lapangan terbang luar bandar sama ada di Kuala Terengganu, Kota Bharu dan lain-lain tempat. Sebab bila datang ke Kuala Lumpur masalah sewa rumah akan mereka hadapi, sebab itu kita cadangkan apalah salahnya MAB membuat rumah ataupun asrama untuk mereka sewa terutama sekali mereka yang berkeluarga, memandangkan bila dibinanya KLIA di situ rumah-rumah sewa akan naik melambung di sekitarnya. Jadi, pihak keselamatan yang begitu ramai dikatakan 1,000 orang akan bertugas di situ sekarang ini mereka daripada luar, daripada lapangan terbang itu berdoa semoga tidak dipindahkan, kerana kalau dipindahkan ke situ mereka akan menghadapi masalah sewa rumah, transport dan lain-lain lagi. Memandangkan gaji mereka kalau berada di luar bandar adalah memadai ataupun cukuplah kalau setakat di luar bandar, tetapi kalau berpindah ke KLIA nanti mereka tidak mampu dalam keadaan gaji yang serupa seperti sekarang ini.

Harap pihak MAB yang telah membuat keuntungan, kalau boleh fikirilah bersama untuk menyediakan rumah untuk mereka sewa atau flat, rumah pangsa dan sebagainya untuk pekerja-pekerja di lapangan terbang KLIA nanti.

Tuan Pengerusi, Butiran 060400 iaitu Pengujian dan Pelesenan Pemandu, saya setuju dengan pendapat kawan-kawan yang lain iaitu ujian memandu kepada pemandu kenderaan ini jangan ditumpukan kepada undang-undang semata-mata tetapi hendaklah ditumpukan hal sivik iaitu budibahasa, budibicara semasa memandu. Undang-undang mereka boleh hafal dan lulus tetapi soal budibicara ini yang cukup penting.

Saya mengambil contoh, hari Ahad lepas, saya memandu kereta saya dan saya potong sebuah kereta yang sama jenis di lebuh raya Taiping. Kemudian dia potong balik, dia angkat satu tanda ajak saya challenge, ajak saya berlawan. Nasib baiklah saya tidak berlawan sebab saya tahu kereta saya mampu setakat 120 km sejam tetapi kalau kereta saya jenis laju, barangkali saya lawan. Jadi, dia macam tanda untuk melawan, tanda ajak kita berlawan sebab kereta saya lebih buruk, potong kereta dia, dia ajak berlawan.

Jadi, benda-benda seperti ini, sivil soal pemandu ini cukup berat. Begitulah juga pemandu teksi, saya

naik komuter dari Shah Alam pergi ke Bank Negara, lebih kurang mengambil masa 40 minit. Saya menunggu teksi pula, 40 minit, tidak dapat lagi, akhirnya lalu seorang kawan yang kenal, maka dibawa saya. 40 minit sudah tunggu, tidak dapat teksi lagi. Jadi, kalau kita yang berada di Shah Alam, Kelang atau di mana-mana memang tidak mahu bawa kereta di Kuala Lumpur tetapi memikirkan karenah pemandu teksi, maka kita bawa kereta sendiri walaupun menghadapi masalah.

Setakat ini kita kena akui secara terbuka bahawa negara yang berjaya di sudut mendisiplinkan pemandu teksi mereka ini, setakat di negeri Asia ini ialah Singapura. Kalau lain daripada Singapura, masih teruk. Kalau kita pergi ke Pakistan, Karachi, 100 rupee dia minta, kalau kita sanggup bertengkar cekak baju, dia turun sampai 25 rupee. Ertinya harga sebenarnya kita tidak tahu, kalau kita sanggup bertengkar, dia turun daripada 100 rupee ke 25 rupee, itu di Karachi, Pakistan.

Bombay lagi teruk, kalau kita sanggup bertengkar, sanggup berkelahi, bersembur air liur macam dia sembur air liur kat kita, maka kita boleh dapat separuh tambang. Ini di Karachi, di Bombay begitulah juga di kota-kota lain, Bangkok boleh gagah, boleh tahan tetapi Kuala Lumpur kita ini, sepatutnya kita compete dengan Singapura dalam masalah disiplin memandu teksi tetapi kenaikan harga, tambang dan sebagainya, kalau ianya berpatutan, kita tahu pemandu teksi ini teruk, kalau itu perlu, kita setuju untuk dinaikkan, tetapi soal behaviour mereka itu mesti ditingkatkan.

Dalam masalah ini, kita kadang-kadang bukan hendak menyanjung Barat tetapi kalau di England misalnya, saya sendiri berpengalaman. Dari Airport hendak pergi ke Kensington, cari rumah pelajar tidak jumpa, masa cari rumah pelajar tidak jumpa, sampai di situ, di 'off' kan meternya kerana mencari rumah itu kesilapan dia, maka di 'off' kan meter sampai dia pastikan jalan, barulah dia 'on' kan balik meternya. Masa dia mencari-cari itu, masa itu tambang tidak naik kerana dia 'off' kan meternya.

Jadi, kita mahu pemandu-pemandu teksi beginilah, pemandu teksi kita kalau tidak sampai standard England dan sebagainya, paling kurang macam di Singapura. Kita hendak akui kelemahan kita dalam bidang bukan undang-undang, masalah behaviour, masalah akhlak, masalah sivik yang perlu kita pertingkatkan kepada pemandu-pemandu teksi, bas mini, lori dan lain-lain lagi. Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, Timbalan Menteri menjawab.

4.25 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perbincangan mereka, bagi pihak kementerian kami mengucapkan setinggi terima kasih di atas pandangan-pandangan yang baik, yang telah diberi.

Pertamanya daripada Yang Berhormat dari Jelebu pada hari semalam, telah meminta supaya CAM, yang memohon supaya pemeriksaan lori pengangkutan awam dipanjangkan tempoh ujiannya daripada 6 bulan sekali kepada setahun. Beliau meminta supaya tempoh setahun itu dikekalkan. Pada ketika ini kementerian belum ada cadangan lagi untuk menurunkan tempoh ujian semula lori-lori pengangkutan awam. Bagaimanapun di setengah negara maju seperti di Los Angeles, mereka memeriksanya sekali dalam tempoh dua tahun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Penjelasan, Tuan Pengerusi, sebenarnya saya membangkitkan masalah tuntutan yang dikemukakan oleh CAM yang meminta supaya lori kontena dimiliki oleh anak syarikat mereka, persatuan mereka diperiksa daripada 6 bulan sekarang kepada setahun bagi kenderaan-kenderaan yang kurang daripada 10 tahun.

Jadi, perkara ini telah dibangkitkan dan saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian telah memutuskan supaya permohonan daripada CAM itu mendapat layanan dan mengarahkan PUSPAKOM mengadakan pemeriksaan sebagaimana yang dipohon? Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Setakat ini belum lagi diputuskan.

Soalan yang kedua berkaitan dengan pendaftaran kereta motor yang akan diswastakan pada tahun hadapan. Kita menswastakan pendaftaran ini bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kepada orang ramai supaya dapat perkhidmatan yang lebih baik dan juga untuk meringankan beban JPJ dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pendaftaran kenderaan. Di samping itu dapat juga mengurangkan bebanan kewangan kerajaan dari segi pembayaran gaji kakitangan dan kos operasi selaras dengan dasar penswastakan dan hasrat kerajaan mengecilkan saiz perkhidmatan awam dan ianya juga dapat menambah hasil

kerajaan melalui bayaran cukai perbadanan. Kita percaya penswastaaan ini akan dapat meningkatkan lagi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada pengguna-pengguna kenderaan di seluruh negara kita.

Soalan yang ketiga, yang dikemukakan oleh wakil dari Jelebu ialah adakah cadangan plat nombor kereta akan menggunakan ciri-ciri keselamatan yang mana memasukkan nombor chasis atau nombor enjin ke dalam plat berkenaan. Memang beberapa cadangan telah diterima tetapi setakat ini cadangan ini belum lagi diputuskan.

Berkaitan dengan adanya terdapat scrap iron yang diimport tetapi di dalamnya terdapat enjin yang didaftarkan sebagai enjin kereta. Saya tidak ada mendapat laporan berkaitan perkara ini atau kementerian tetapi sekiranya ada yang dikenal pasti, bolehlah dihantar dan kita akan semak dan tindakan yang sewajarnya akan diambil kepada perkara-perkara berkenaan dan sudah tentu lesen mereka akan dibatalkan.

Berkaitan dengan ujian memandu yang menggunakan kotak hitam oleh kenderaan-kenderaan perdagangan yang dilakukan di JPJ Melaka, yang terlibat itu adalah secara trial, cubaan dan belum lagi dikembangkan ke tempat-tempat lain.

Tadi, satu soalan juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan berkaitan dengan kemudahan untuk membantu kenderaan-kenderaan yang terlibat dengan kemalangan di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS). Pada masa kini, PLUS telah pun mempunyai skimnya sendiri bagi membantu kenderaan-kenderaan yang menghadapi kerosakan di lebuhraya. Cuma kelengkapan-kelengkapan yang ada masih lagi menggunakan tools yang agak ringan dan mereka masih lagi menggunakan workshop daripada luar atau dari syarikat swasta untuk membantu kenderaan-kenderaan yang terlibat di dalam kemalangan ataupun kerosakan di jalan raya sepanjang Lebuhraya PLUS.

Di dalam kes yang terbaru ini yang didapati lama terbiar lebih kurang 6 jam, kementerian memang merasa prihatin dalam perkara ini dan kita sedang berbincang dengan PLUS bagaimanakah keadaan ini dapat diperbaiki termasuk ada cadangan supaya workshop dibina di tempat-tempat tertentu di sepanjang lebuhraya misalnya di sebelah stesen minyak. Ini juga akan dipertimbangkan, cuma pada ketika ini tidak ramai orang yang ingin membina workshop ini kerana tidak berapa banyak kenderaan-kenderaan yang menggunakannya.

Walau bagaimanapun, perkara ini didapati agak baik dan saya sendiri pun berpendapat perlu diadakan. Bagaimanapun, ia akan ditimbang dengan teliti oleh kementerian dan juga PLUS supaya orang ramai lebih merasa selesa dan selamat semasa berada di sepanjang Lebuhraya Persekutuan.

Ada selekoh yang merbahaya di Changkat Jering. Jalan ini adalah di bawah Jabatan Kerja Raya dan mungkin juga di bawah Municipal Ipoh. Kita akan panjangkan kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk melihat sama ada benar penjual buah itu berada di selekoh yang merbahaya. Sekiranya betul, maka sudah wajarlah tempat ini diubahsuai ke tempat yang lebih selamat untuk pengguna.

Berkaitan dengan pembinaan rel dari Perai ke Butterworth sebanyak RM17 juta....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Bagan bangun, ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:sudah tentu ini akan dapat membantu perjalanan barang-barang untuk dihantar ke pelabuhan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya menyeru supaya pemandu-pemandu yang cuai yang meletakkan kereta di tepi jalan dan mengakibatkan kemalangan maut, kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara. Saya mintalah supaya rayuan ini dapat ditimbang.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tadi saya hendak masuk kepada perkara itu, tetapi Yang Berhormat sudah ulang balik. Jadi, kita akan timbangkan.

Sebenarnya ada satu kanun jenayah, sekiranya seseorang pemandu kenderaan boleh diyakini dia menyebabkan kepada kematian, ianya boleh dicajkan di bawah kanun keseksaan yang ada.

Berkaitan dengan pembinaan rumah kos rendah, ada disebut. Saya fikir yang ini dahulu yang disebut, kes yang terdahulu. Kalau yang itu, memang ada rumah kos rendah dibina, tetapi jumlahnya saya tidak berapa ingat lagi dan saya akan beri secara bertulis. Saya fikir Yang Berhormat suka sebut benda ini walaupun sebelum ini telah dinyatakan ada rumah kos rendah yang telah dijual, tetapi tidak dijual kepada mereka yang tidak layak. Kita juga telah membina kuarters untuk kakitangan KTMB iaitu bagi mereka yang berpendapatan rendah yang mana sewanya rendah dan memang di bawah kemampuan mereka.

Ada masalah mengenai tempahan tiket melalui telefon yang tidak dilayan. Saya harap dapat dilaporkan siapakah yang tidak melayan itu? Kerana kalau menempah tiket memang boleh kita layan dan boleh diterima di kaunter, datang balik dan beli ataupun hantar wakil, sudah tentu kita akan bayar. Sekiranya ada kes-kes tertentu, bolehlah kita perbaiki.

Yang Berhormat dari Tambun telah membangkitkan berkaitan dengan cepat atau lambatnya ketibaan barang yang dihantar dari Ipoh ke Pelabuhan Pulau Pinang selama 4 jam. Kita akan semak sama ada perkara ini dapat dipercepatkan lagi. Bagaimanapun, masa yang diambil itu adalah selaras dengan masa yang digunakan, sesuai dengan perjalanan keretapi. Tetapi jika ada kaedah yang lain yang boleh kita perbaiki, mungkin jika jumlahnya cukup, boleh ada special train, maka ini juga boleh ditimbang pada masa depan.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:
[Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, bukan maksud saya. Kargo dibawa dari Ipoh ke Pelabuhan Kelang sampai dalam tempoh 24 jam, itu sudah cukup baik. Maksud saya, ia sampai lewat 4 jam daripada jadual itulah yang paling cepat. Selalunya 7 atau 8 jam daripada jadual yang ditetapkan. Katalah jadual yang ditetapkan 5 jam, ia sampai 4 jam lewat daripada jadual. Itu maksud saya. Itu yang tercepat sekali.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya fikir betul. Tadi saya kata terlewat. Cuma kita akan semak mengapa ia terlewat. Jika ianya boleh diperbaiki, maka kita akan baiki. Kalau sudah janji KTM patut tiba katakan pada jam 6.00 petang, mengapa pula tiba pada jam 10.00 malam?

Jadi, kalau begitu, kalau sudah janji itu tidak ditepati, ertinya ada benda yang boleh diperbaiki. Tetapi sekiranya masa itu memang macam itu, kerana menggunakan juga tren penumpang, tersangkut juga di belakang, jadi kita boleh adakan satu tren khas untuk masa depan. Bagaimanapun, apa yang telah disebut tadi kita akan semak mengapa terlambat 4 jam dan bagaimanakah akan diperbaiki?

Yang Berhormat telah meminta Kementerian Pengangkutan memberi galakan untuk memperkembangkan industri pembinaan dan

pembaikan kapal. Industri pembinaan dan pembaikan kapal sebenarnya adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pengangkutan sentiasa memberi kerjasama dan menggalakkan syarikat perkapalan tempatan untuk membina atau membaiki kapal-kapal mereka di limbungan kapal-kapal tempatan bagi membantu limbungan-limbungan ini.

Antaranya kita telah pun membina beberapa kapal Jabatan Laut di syarikat membuat kapal di Perlis, itu antara contoh. Perkara-perkara yang lain yang mana boleh dibantu oleh kementerian, kementerian akan menggunakan pelabuhan-pelabuhan tempatan.

Yang Berhormat dari Tambun juga telah bertanya apakah rasional Asian Railway? Asian Railway bertujuan menghubungkan Singapura ke Kun Ming, negara China melalui rel. Projek ini menggunakan rangkaian kereta api yang sedia ada. Bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai keretapi, maka pembinaannya akan dibuat.

Dengan pembinaan keretapi ini maka penumpang dan barangan dapat dihantar melalui rel dan ia dapat meningkatkan lagi perdagangan industri pelancongan di dalam rantau Asia dan sudah tentu Malaysia akan mendapat faedah daripada kemudahan ini kerana kita berada di tengah-tengah pada ketika ini dan kita pula menjadi koordinator dalam pembinaan ini dan sudah tentu dari segi ekonominya, Malaysia akan mendapat keuntungan dalam jangka pendek dan juga dalam jangka panjang. Apabila ramai pelancong, misalnya dari Thailand, negara China, Cambodia atau dari Vietnam datang ke negara kita melalui rel, mereka akan banyak berbelanja dan sudah tentu kita akan mendapat banyak tukaran wang asing dan sudah tentu dapat meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi kita dengan baik.

Yang Berhormat dari Tambun juga ada bertanya tadi berkaitan dengan freight increase rate. Kadar freight sebenarnya turun dari tahun ke tahun semenjak 5 tahun yang lepas. Oleh kerana kita di dalam perdagangan antarabangsa yang bebas, maka sudah tentu kapal-kapal Malaysia terpaksa bersaing di peringkat antarabangsa dan ini kadang-kadang telah menyebabkan kita lebih baik daripada kapal lain dan kadang-kadang kapal lain lebih baik daripada kita. Bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa memberi perhatian supaya freight rate ini dapat ditangani oleh kapal-kapal Malaysia yang terpaksa menghadapi freight rate dari kapal-kapal antarabangsa yang lain.

Berkaitan dengan tabung perkapalan, saya suka memaklumkan bahawa kerajaan telah pun menubuhkan tabung perkapalan bagi meningkatkan industri perkapalan dalam negara kita sebanyak RM1.1 bilion semenjak tahun 1992 dan hampir kesemuanya telah digunakan. Kita meminta supaya industri ini mendapat penyertaan yang aktif daripada syarikat-syarikat perkapalan negara kerana keuntungan daripada perkhidmatan kapal tidak dikenakan cukai pendapatan.

Mungkin banyak lagi usahawan-usahawan Malaysia yang takut oleh kerana industri ini memerlukan satu kapital yang besar tetapi walaupun kapital besar, jika untung tidak akan kena cukai. Jadi, kita berharap usahawan-usahawan dalam negara kita akan menggunakan kesempatan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lular bertanya pemandu berlumba, sudahkah dibuat kajian?

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, tadi saya ada menyentuh tentang cabotage policy. Ini diperkenalkan pada pertengahan tahun 1980-an yang bertujuan supaya syarikat-syarikat perkapalan asing mendaftar dengan Lembaga Pelesenan Perkapalan dan antara syaratnya adalah supaya syarikat-syarikat asing ini mempunyai ekuiti daripada rakan di negara Malaysia

Antara tujuannya adalah untuk meningkatkan penguasaan individu negara kita dalam sektor perkapalan domestik. Pada masa itu sektor perkapalan domestik, 30% dikuasai oleh rakyat negara ini tetapi setelah sepuluh tahun, cabotage policy ini dijalankan sehingga ini penguasaan rakyat kita dalam sektor perkapalan domestik hanya 30% dan saya menanyakan, adakah polisi ini tidak berjaya? Jadi, saya ingin mendapat penjelasan kerana belum dijelaskan oleh pihak kementerian.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Pengerusi, memang kerajaan telah pun menubuhkan Domestic Shipping Licencing Board pada tahun 1980 untuk melaksanakan dasar cabotage dan dasar ini bukanlah gagal tetapi tidak berapa steady lagilah dan kita berharap dasar ini akan dapat diperbaiki lagi di masa hadapan supaya apa yang kita harapkan akan menjadi kenyataan yang lebih baik seperti apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lular bertanya berkaitan dengan pemandu berlumba. Satu kajian telah dibuat, satu brainstorming telah

dilakukan pada tahun lepas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri dan kita dapati yang banyak suka berlumba ini adalah orang muda kerana orang muda di negara kita suka kegiatan-kegiatan yang lasak dan kerana itu mereka suka berlumba haram.

Bagaimana pun, kerajaan telah pun mengenakan beberapa program termasuk program di dalam Kementerian Belia dan Sukan seperti Program Rakan Muda dengan mengadakan kegiatan-kegiatan yang lebih lasak, misalnya mendaki gunung, berkayak dan sebagainya. Tetapi, masih lagi terdapat pemuda-pemuda kita yang suka kepada lumba haram ini dan kerajaan telah pun meminta supaya pihak JPJ dan polis supaya sentiasa mengambil tindakan yang keras kepada mereka yang terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang dilakukan.

Saya juga ingin menjawab berkaitan dengan tempat simpan kereta yang cukup untuk naik keretapi. Memang kerajaan menyediakan tempat-tempat kereta tetapi sesetengah tempat memang tidak mencukupi ataupun tidak sempurna tetapi pada masa yang terkini, tempat-tempat kereta ini telah menjadi satu tempat yang lebih diminati oleh orang ramai dan kita sudah pun mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya khususnya di stesen-stesen keretapi yang popular.

Baru-baru ini kerajaan telah memperkenalkan satu lagi keretapi penumpang dari Tumpat ke Kuala Lumpur. Nampaknya sambutannya amat baik iaitu mendapat sambutan 90% digunakan. Keretapi ini datangnya di waktu Maghrib dari Kota Bharu, tiba di sini di waktu pagi, sebelum waktu bekerja pukul 8.00 pagi. Begitu juga daripada Kuala Lumpur, bertolak pukul 8.30 malam akan tiba di Kota Bharu juga di waktu pagi sebelum waktu bekerja. Dan ini memberi ruang yang baik kepada penduduk-penduduk Pantai Timur supaya mereka datang dengan lebih selamat, selesa kerana kalau naik bas, mungkin akan menghadapi banyak kesusahan dan kita telah pun mendapat komen yang baik daripada pengguna-pengguna berkaitan dengan perkhidmatan keretapi yang semakin memuaskan.

Walaupun Ahli Yang Berhormat dari Batang Lular menyatakan ada tempat yang tidak cantik di stesen-stesen keretapi, tetapi kita telah pun pergi jugalah. Maaf saya, ini bukan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lular tadi ini. Ini ada satu lagi berkaitan dengan Kemaman Port.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lular telah menyatakan berkaitan dengan PLUS ya. Bas mesti

ditarik ya. Ini memang kita sedang bincang balik dengan PLUS bagaimana ianya boleh dilakukan, tidak seperti apa yang telah berlaku baru-baru ini.

Pemandu teksi demand sex. Saya terperanjat jugalah, ada juga pemandu teksi di negara kita yang inginkan sex tetapi jika ada, kita akan ambil tindakan, laporkan kepada pihak polis dan Yang Berhormat kalau ada juga bukti, kita bersedialah untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Memang banyak aduan telah kita terima di waktu-waktu akhir ini di mana pemandu-pemandu teksi enggan mengambil penumpang. Dahulu mereka mengatakan tambang teksinya tidak berapa memuaskan tetapi baru-baru ini Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun menambahkan lagi 50 sen untuk masuk sahaja ke dalam teksi dan kita harap pemandu-pemandu teksi akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

Yang tidak hendak ambil ini, dahulunya tidak ramai, tetapi waktu terkini ada ramai sedikit kompelen. Tetapi, dengan tindakan-tindakan yang sedang dilakukan oleh pihak penguatkuasa, kita percaya keadaan ini akan dapat diperbaiki.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri persoalan pemandu teksi yang tidak mahu ambil ini. Jarang-jarang sekali kalau kita pergi, walaupun di negara ASEAN ini, di Filipina, Indonesia, Bangkok, jarang sekali kita jumpa teksi ini tidak hendak ambil penumpang. Tetapi, di Kuala Lumpur, orang menjadi mangsa macam saya tidak ada kereta, naik teksi tiap-tiap hari, selalulah tidak dapat, hari hujan bagaimana hendak bawa anak isteri pun tidak boleh cari teksi ini.

Jadi, persoalannya ini, banyak jawapan daripada pemandu teksi itu, mungkin nampak betul juga. Di Singapura, umpamanya, kalau teksi itu boleh masuk ke dalam kawasan yang sibuk, sesak, ramai orang dan banyak kereta, dia beri satu sticker yang mana teksi itu akan diberi kuasa untuk mengecaj lebih tinggi lagi tambangnya untuk masuk ke tempat itu.

Jadi, dengan sendirinya kalau kebiasaannya teksi itu jalan dari satu tempat ke satu tempat itu RM2 tetapi kalau dia masuk ke tempat itu, dia boleh caj mungkin RM3. Jadi, alasan teksi di Kuala Lumpur yang tidak hendak masuk di tempat-tempat yang sesak - traffic jam ini ialah oleh kerana dia kata "Masuk tempat sana pun banyak itu juga caj yang boleh saya buat, jadi apa guna masuk tempat itu, minyak saya habis" Kata dia. Jadi, dia tidak dibolehkan mengecaj lebih tinggi daripada yang

biasa. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk membuat satu sistem yang sama supaya teksi yang masuk umpamanya ke Bukit Bintang, ke tempat-tempat yang sesak itu boleh mengecajkan lebih tinggi daripada tempat lain sebab kita fikir juga pemandu teksi ini, dia itu sahaja pendapatan dia, bukan banyak sangat. Jadi, yang untung itu taukey punya lesen, pemandu teksi tidak untung sangat.

Jadi, dia hendak gunakan peluang ini, beri peluang dia dapat hidup selesa dan senang sedikit supaya boleh mengecaj masuk dalam Kuala Lumpur lebih tinggi tambang dia, di luar Kuala Lumpur sedikit murah tambang dia dan sticker mesti diberi dan kalau orang tidak boleh masuk, masuk juga, kita hukam dia, yang boleh masuk itu boleh masuk tetapi dia kena boleh caj tinggi sedikit. Macamana?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kita akan timbanglah pandangan Yang Berhormat ini baik ya.

Tuan Pengerusi: Ya, banyak lagi Yang Berhormat?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ada lagi tiga. Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan berkaitan dengan korek pelabuhan. Fasal Ahli Yang Berhormat dari Kemaman selalu minta kementerian bantu, fasal itu kita akan peruntukkan RM120 juta.

Jadi, saya ucapkan tahniah kerana Pelabuhan Kemaman telah pun dipilih untuk dikorek supaya besar lagi dan sudah tentu akan dapat menambah lagi penggunaan di sana untuk kebaikan negeri Terengganu, khususnya Pantai Timur dan negara pada keseluruhannya. Pelabuhan Kemaman adalah sebuah pelabuhan industri, ia bergantung kepada kargo di sekitar kawasannya. Kerajaan negeri berusaha untuk mendapatkan pelabur-pelabur untuk menempatkan industri di Kemaman. Cuma setakat ini tidak ramai pelabur minat pergi ke Pantai Timur oleh kerana Pantai Barat masih lagi banyak kawasan, tetapi dalam pembangunan koridor Timur pada ketika ini yang sedang digalakkan oleh kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan, sudah tentunya masa depan negeri-negeri di Pantai Timur akan lebih bertambah dan Yang Berhormat dari Kemaman akan dapat melihat dalam tempoh yang terdekat Pelabuhan Kemaman bukan sahaja import besi tetapi juga akan import barang-barang industri.

Perundingan penswastaaan Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan masih dikendalikan di bawah Economic Planning Unit. Pengurusan

Pelabuhan Kemaman akan diambil alih oleh Lembaga Pelabuhan Kebangsaan apabila ianya ditubuhkan kelak tidak berapa lama lagi. Dan apabila diswastakan, sudah tentunya pihak swasta akana mengendalikan pelabuhan ini.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah membangkitkan berkaitan dengan membesarkan Lapangan Terbang Kota Bharu. Pada ketika ini cadangan untuk membesarkan lapangan terbang ini belum lagi diputuskan, memang ada cadangan. Kita sentiasa melihat apabila difikirkan perlu masanya, ada viability economy, maka ianya akan dilaksanakan.

Rumah flat ataupun rumah untuk kakitangan dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian, memang kementerian telah pun meminta supaya MAB, DCA ataupun mana-mana agensi di bawah Kementerian Pengangkutan, apabila mereka nanti berpindah ke KLIA di Sepang supaya kemudahan-kemudahan perumahan disediakan untuk kakitangan mereka dengan kos yang mampu untuk kakitangan. Mungkin Yang Berhormat itu bimbang jika rumah tidak disediakan, perkara ini sudah tentu kerajaan akan melihat dengan agensi yang terlibat bagaimanakah tindakan-tindakan boleh diringankan sekiranya pembinaan quarters mereka tidak siap ikut time apabila KLIA dijalankan?

Saya fikir yang terakhir sekali adalah berkaitan dengan 'tilting train' tadi ada satu soalan, mungkin Yang Berhormat dari Bagan. Saya suka memaklumkan bahawa yang kita tidak bina ini adalah kereta api laju ataupun 'bullet train' kerana terlalu tinggi kosnya. Bagaimanapun, kerajaan akan bina double track sepanjang Semenanjung, iaitu daripada Singapura sampai ke Utara tetapi secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan yang ada daripada segi kewangan ataupun ada pihak swasta yang sanggup membina tetapi tidak membebankan rakyat. Dan kita telah pun meluluskan satu program daripada Singapura ke Kulai, bukan ke Kluang, seperti yang saya tersalah sebut sedikit pada pagi tadi, iaitu ke Kulai dan ianya berbelanja lebih kurang RM1 bilion. Manakala yang keduanya adalah daripada Rawang ke Ipoh yang kosnya juga RM1.7 bilion, semuanya telah dipersetujui, cuma hendak tunggu tanah sahaja bila boleh masuk. Bila sahaja boleh masuk, kita akan bina dan tempohnya 24 bulan. Manakala laluan-laluan yang lain akan dipanjangkan lagi daripada masa ke semasa.

Kita berharap dengan adanya 'double track' ini

dan menggunakan pula 'tilting train' yang lebih murah daripada 'bullet train', maka pengangkutan dalam negara kita akan bertambah singkat dan orang ramai akan lebih selamat dan lebih cepat untuk berhubung antara satu sama lain, sama ada di bidang pengangkutan awam ataupun untuk pengangkutan kargo.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Sudah habis, Yang Berhormat. [Ketawa]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM301,638,800 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM301,638,800 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,157,713,200 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,157,713,200 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1997.

Maksud B.48 [Jadual] -

Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan, 1997] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.48 dan Maksud Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ya, Kluang.

4.56 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas bagi Maksud Bekalan Pembangunan P.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya ingin menyentuh perkara-perkara mengenai Butiran 04000 - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Butiran 04001 - Tanam Semula dan Butiran 01700 - Bekalan Letrik Luar Bandar (BLLB).

Tuan Pengerusi, mengenai RISDA terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana sejak RISDA ditubuhkan pada tahun 1973, ia adalah bertujuan untuk membantu pekebun kecil. Tetapi baru-baru ini saya dengar ura-ura yang mengatakan bahawa RISDA akan dikorporatkan dan kalau cerita ini benar, saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri supaya dapat menerangkan dengan jelasnya mengapa kerajaan harus mengkorporatkan RISDA ini?

Kalau kita baca Belanjawan 1997, peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi pengurusan RISDA adalah lebih kurang RM80 juta bagi tahun 1997 dan peruntukan bagi tanam semula adalah cuma RM188,655,000. Kalau kita banding dengan jumlah anggaran harga projek adalah lebih kurang RM1 bilion. Saya rasa peruntukan ini memang tidak cukup. Oleh kerana peruntukan ini tidak cukup, pihak RISDA terpaksa membuat sesuatu untuk, dengan izin, 'survive' dan tindakan ini kadang-kadang timbul ketidakpuashatian di kalangan pekebun kecil.

Baru-baru ini saya dapat banyak aduan daripada pekebun kecil yang mengatakan setelah mereka menunggu begitu lama untuk mendapatkan bayaran bantuan tanam semula, iaitu mereka tanam pokok kelapa sawit selepas tanaman pokok getah. Sekarang ini tanam kelapa sawit pun disuruh untuk menyertai apa yang dinamakan 'Tabung Tanam Semula', iaitu satu skim simpanan jangka panjang yang diperkenalkan oleh RISDA bagi pekebun-pekebun kecil untuk menampung kos tanam semula pada masa akan datang dan tabung ini dijaga di bawah pentadbiran Bahagian Pembangunan Ladang di Ibu Pejabat RISDA. Semua kebun yang keluasan 40.46 hektar ataupun 100 ekar ke bawah dikehendaki menyimpan sekurang-kurang RM10 sehektar sebulan ataupun RM120 setahun. Wang simpanan ini akan dikendalikan oleh pihak anak syarikat RISDA iaitu Permodalan RISDA Berhad.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ramai pekebun kecil memerlukan wang bantuan tanam semula ini untuk tujuan tanam semula dan juga perbelanjaan untuk kehidupan dalam 3 ataupun 4 tahun semasa mereka menunggu hasil daripada kelapa sawit. Jadi, potongan RM10 sehektar sebulan ataupun RM120 setahun akan menimbulkan masalah kepada sebahagian pekebun kecil.

Walaupun saya sendiri pernah bertanya kepada pegawai di RISDA, mereka beritahu saya bahawa skim ini sebenarnya ada pilihan, sama ada dia hendak melabur ataupun tidak. Tetapi bila saya semak sendiri, nampaknya cara ini sudah menjadi satu paksaan kalau kita tidak jelaskan dengan sebetulnya kerana borang yang disediakan, apabila beri bayaran bantuan tanam semula, pekebun kecil itu diharuskan tandatangan dalam borang tersebut dan ini satu tafsiran sebagai satu paksaan kepada pekebun kecil.

Maka saya berharap perkara ini dapat kita atasi dan saya meminta kepada pihak kementerian sama ada kita dapat tambah lagi peruntukan kepada pihak RISDA ataupun mengarah kepada pihak RISDA supaya menerangkan kepada pekebun kecil, supaya pekebun kecil ini tidak akan terkeliru lagi tentang perkara simpanan Skim Tabung Tanam Semula ini.

Tuan Pengerusi, mengenai BLB ini, apabila kita baca Projek BLB bagi Semenanjung, jumlah anggaran harga projek ialah lebih RM710,780 dan saya tidak tahu apa sebab pada tahun 1991 hingga tahun 1993 hingga awal tahun 1994, projek BLB ini dapat dijalankan di semua kawasan termasuk kawasan Kluang, cuma pada tahun 1994, 1995 dan 1996 tidak ada langsung projek BLB di kawasan Kluang ini.

Saya tidak faham selepas tempoh tiga tahun ini masih tidak ada satu projek BLB yang berada di kawasan Kluang ini. Walaupun saya mengemukakan lapan projek yang masih menunggu kelulusan untuk pelaksanaan iaitu empat kawasan yang pernah melakukan projek, di mana rumah-rumah yang masih tertinggal untuk mendapatkan bekalan elektrik dan empat kawasan yang baru.

Dan apabila saya baca Belanjawan 1997, sebanyak RM9 juta diperuntukkan bagi BLB dan saya ingin bertanya, sama ada peruntukan ini cukup atau tidak? Kalau peruntukan ini mencukupi, sedangkan di kawasan Kluang sahaja sudah ada lapan projek yang harus dijalankan bagi projek BLB ini. Jadi, macam manapun, saya ingin menggesa kepada pihak kementerian, supaya peruntukan yang cukup sekurang-kurangnya di kawasan Kluang ini dapat dijalankan, sedangkan penduduk di kawasan ini sudah menunggu lebih kurang tiga tahun untuk mendapatkan bekalan elektrik ini.

Dan saya pernah melawat ke kawasan termasuk lapan kawasan ini, ramai penduduk menegur kepada saya yang mengatakan, mungkin saya tidak

pernah memohon projek BLB di kawasan Kluang ini. Maka saya sekali lagi ingin meminta kepada pihak kementerian khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Menteri supaya lapan projek ini dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya untuk kepentingan penduduk di kawasan Kluang ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah dua, tiga perkara yang dapat saya sampaikan dan moga-moga dengan permintaan ini supaya kementerian dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk meluluskan projek BLB di kawasan Kluang ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, Jerlun.

5.04 ptg.

Dato Haji Hanafi bin Ramli [Jerlun]: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap banyak itu, janganlah berucap lagi, berilah peluang kepada yang belum berucap lagi. Tolonglah! Ya, sila Jerlun.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh berkenaan dengan P.48, Butiran 00400 - Pendidikan Pra-sekolah dan juga Butiran 00500 - Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat serta Butiran 04100 - Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah.

Tuan Pengerusi, pertama sekali berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana pihak kerajaan tidak membebankan Lembaga Kemajuan Kedah sebagai satu-satunya badan yang pada ketika ini yang boleh menjadi sebagai satu vehicle untuk menseimbangkan ekonomi penduduk luar bandar antara kawasan MADA dengan kawasan di luar MADA. Dan sepatutnya, walaupun perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri di dalam menubuhkan KEDA ini adalah dalam tempoh 20 tahun dan kita berharap dalam jangka masa tersebut, pulangan akan dapat diterima oleh rakyat dengan baik, hasil dengan banyak, hasil daripada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, saya hendak menyentuh mengenai dengan Pusat Pertumbuhan Desa. Di dalam negeri Kedah ini, kerajaan telah mewujudkan satu Pusat Pertumbuhan Desa di kawasan Sungai Korok di mana kerajaan negeri telah pun membeli tanah-tanah sebanyak 54 ekar

dan sudah pun ditimbus tanah ini yang sekarang ini masalahnya ialah peruntukan untuk membina membangunkan Pusat Pertumbuhan Desa itu dari segi penglibatan agensi-agensi kerajaan terutamanya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini bagi membina pejabat-pejabat ataupun dewan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, mengenai dengan elaun-elaun guru KEMAS yang mengajar di kawasan luar bandar ini, yang jika dibandingkan dengan elaun guru-guru agama yang diperuntukkan di bawah KAFA dan juga lain-lain agensi, nampaknya dia tidak seimbang. Bila ia tidak seimbang dari segi pembayaran gaji ini, jadi ia menjadi rungutan kepada mereka yang menjadi guru agama ini.

Jadi, saya harap Kementerian Pembangunan Luar Bandar harus mengambil inisiatif dengan kementerian-kementerian lain supaya dapat kita memperseimbangkan gaji guru-guru agama di peringkat bawahan ini dan sekarang ini ada guru agama yang dibayar RM250 sebulan dan daripada KEMAS dibayar antara RM450 hingga RM480 sebulan. Jadi, ini susah sedikitlah kalau kita ada pelbagai ragam peringkat gaji.

Jadi, yang itu sahaja, Tuan Pengerusi, kerana kita hendak memendekkan masa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya. Muar.

5.07 ptg.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.48 khasnya butir-butir 010000, 020000 dan Maksud P.48 khasnya butir-butir 02401, 02402 dan 03200 sampai ke 03209 untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kita hendak memberi sedikit pandangan tentang pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan-rancangan kementerian itu.

Tuan Pengerusi, rancangan pembangunan luar bandar telah dilancarkan hampir-hampir empat dekad dahulu oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang pada masa itu menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam tahun 1959, setiap pegawai daerah diarahkan menyiapkan Buku Merah di mana semua keperluan asas untuk kepentingan rakyat di kawasan luar bandar dalam daerah masing-masing didaftar dan dimaktubkan. Telah lebih daripada tiga dekad, rancangan pembangunan luar bandar dilaksanakan, kita telah mencapai banyak kejayaan

khasnya dalam bidang kemajuan tanah seperti FELCRA, FELDA dan RISDA.

Kita juga telah berjaya menyediakan keperluan asas atau 'physical infrastructure' seperti jalan-jalan raya, jalan-jalan kampung, perbekalan air, perbekalan elektrik, jambatan-jambatan, tali-tali air, sekolah-sekolah, klinik-klinik, hospital dan lain-lain lagi.

Kita juga telah berjaya memperbaiki dan membangunkan sistem ekonomi agraria, dengan menubuhkan FAMA, MARDI, Bank Pertanian, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Persatuan-persatuan Peladang serta badan-badan pembangunan wilayah seperti MADA, KADA, KETENGAH, DARA, KEJORA dan sebagainya.

Kejayaan ini telah mendapat pengiktirafan oleh pemimpin-pemimpin negara luar yang sentiasa menghujani negara kita berharap-harap untuk mendapatkan manfaat daripada kejayaan dan pengalaman kita.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun kita belum boleh merasa puas hati dengan kejayaan kita itu kerana banyak lagi kawasan luar bandar khasnya di Sabah dan Sarawak belum lagi menikmati kemudahan-kemudahan seperti yang telah ditaburkan di Semenanjung Malaysia ini. Kita merasa sedih dan pilu apabila mendengar ucapan-ucapan, keluhan-keluhan dan rintihan-rintihan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah khasnya tentang kemunduran kawasan luar bandar di negeri itu. *[Tepuk]* Kita hanya boleh bersimpati dengan rakyat negeri Sabah yang telah membuat pilihan yang salah untuk menegakkan kerajaan PBS dan selama 10 tahun PBS memerintah Sabah, rakyat Sabah hidup dalam keadaan serba kekurangan dan mundur.

Sekarang, negeri Sabah sudah diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional. Maka, kita menyeru kepada kerajaan Barisan Nasional khasnya Kerajaan Pusat Barisan Nasional supaya menghiraukan segala-galanya yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dari Sabah dan juga Sarawak tentang kemunduran kawasan luar bandar di negeri mereka dan mengambil tindakan yang segera dan secepat mungkin untuk mengatasi masalah-masalah itu.

Tuan Pengerusi, kita tidak mahu lagi dengar dalam Dewan yang mulia ini, cerita-cerita murid-murid sekolah tidur di atas lantai papan di hostel di kawasan Parlimen Libaran. Kita juga tidak mahu

lagi mendengar cerita-cerita rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak tidur di bawah bumbung atap rumbia. *[Tepuk]* Rancangan PPRT hendaklah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak dan peruntukan untuk membina prasarana asas hendaklah ditambahkan dengan serta-merta. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, kita mesti laksanakan pembangunan yang saksama di antara negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional. Kita mahukan dengan izin, 'development with equity among the states'. Tuan Pengerusi, sekarang Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang membawa kita kepada satu era pembangunan yang baru. Kita bersungguh-sungguh menitikberatkan pembasmian kemiskinan dan pembangunan insan untuk membawa rakyat kawasan luar bandar dengan misi yang berwawasan menuju kepada masyarakat madani dan Wawasan 2020.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mewujudkan rancangan-rancangan seperti PPRT, Rancangan Gerakan Desa Wawasan, Rancangan Bakti Desa, Rancangan Amanah Ikhtiar Malaysia, rancangan-rancangan pembaharuan dan pembangunan kampung-kampung tradisi kepada kampung-kampung moden dan bertamaddun selain daripada meneruskan pembinaan-pembinaan dan menyediakan keperluan-keperluan asas yang telah ditaja berpuluh-puluh tahun dahulu.

Tuan Pengerusi, pembangunan insan lebih rumit, lebih sukar, lebih memerlukan banyak kesungguhan dan komitmen, dedikasi dan pengorbanan daripada kerajaan, kakitangan kerajaan dan rakyat jelata yang tinggal di kawasan luar bandar. Kita difahamkan Rancangan Pembangunan Insan termasuk pembangunan minda menerusi Gerakan Desa Wawasan, dilaksanakan supaya segala-galanya yang telah diberi oleh kerajaan, segala-galanya yang telah disediakan oleh kerajaan, segala-galanya yang telah dibuat oleh kerajaan akan dapat memanfaatkan rakyat di luar bandar dengan maksimum dalam bidang ekonomi, sosial, dalam hal ehwal jasmani, rohani, mental untuk meningkatkan pendapatan mereka dan memupuk perkembangan masyarakat madani.

Tuan Pengerusi, matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya kerajaan tidak bersedia membelanjakan wang dan membuat perubahan dalam sistem pentadbiran Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan menyediakan pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan, kepakaran, kemahiran dan pengalaman yang boleh memimpin dan mempengaruhi minda masyarakat kawasan luar

bandar. Oleh yang demikian, kita suka mencadangkan:

- (i) bagi tiap-tiap Gerakan Desa Wawasan hendaklah dibina ataupun dibuat sebuah balai raya ataupun balai serbaguna untuk dibuat bilik gerakan, bilik mesyuarat, digunakan untuk kelas-kelas tadika, digunakan sebagai pusat kegiatan masyarakat desa dan juga digunakan sebagai perpustakaan desa dan bilik bacaan;
- (ii) kita suka mencadangkan seorang pegawai pembangunan luar bandar khas hendaklah dilantik bagi tiap-tiap daerah. Pegawai ini hendaklah mempunyai kelayakan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang sosio-ekonomi dan akan menumpukan 100% kerja dan masanya kepada rancangan pembangunan luar bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kementerian-kementerian lain yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, tugas-tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai daerah sudah berubah. Pegawai daerah adalah ketua pentadbiran daerah dan bukan wakil kerajaan. Wakil kerajaan ialah wakil-wakil rakyat, pegawai daerah ialah wakil pentadbiran kerajaan. Yang menjadi wakil kerajaan ialah wakil-wakil rakyat. Oleh yang demikian, kita mencadangkan supaya nama pegawai-pegawai daerah itu ditukarkan kepada Pegawai Pembangunan Daerah atau dengan izin, 'District Development Officer'. Kita mesti menghapuskan dan mengikiskan colonial mentality yang berkait dengan jawatan pegawai daerah kerana selepas hampir-hampir 40 tahun kita telah merdeka, ada pegawai-pegawai daerah yang berlagak sebagai colonial masters terhadap penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya suka mencadangkan supaya satu jawatankuasa ataupun 'standing committee' diwujudkan antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Belia dan Sukan di mana pegawai-pegawainya dapat membincangkan dan menyelaraskan usaha-usaha kementerian masing-masing untuk mendapatkan manfaat yang maksimum kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Tetapi, adalah lebih baik juga sekiranya satu jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ditubuhkan dengan ahli-ahli yang lain termasuk Menteri Pembangunan Luar Bandar, Menteri Pertanian, Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Bandau.

5.19 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin tumpukan perbincangan saya di bawah Maksud Bekalan 48 ini kepada beberapa butiran. Pertamanya, Butiran 030000 hingga Butiran 110000 iaitu Agensi-agensi Pembangunan Tanah dan Sosial.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, di bawah 10 ataupun 11 agensi-agensi pembangunan ini, iaitu seperti Felcra, KETENGAH, KESEDAR, RISDA, DARA, KEDA, Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, PERDA, Lembaga Kemajuan Pertanian Negeri Pahang dan KEJORA, keseluruhannya diperuntukkan kira-kira RM146 juta untuk tahun hadapan. Pihak saya sudah maklum Tuan Pengerusi, bahawa agensi-agensi ini telah pun memainkan peranan yang penting untuk melaksanakan program-program pembangunan luar bandar.

Satu sahaja, aspeknya yang penting ialah mereka ini adalah semuanya tertumpu ataupun terletak di Semenanjung Malaysia. Agensi-agensi ini telah memainkan peranan yang begitu penting sekali dan berkesan untuk mengubah hidup penduduk-penduduk di luar bandar. Tetapi memandangkan mereka ini terletak di sebelah Semenanjung sahaja dan bukan di sebelah Sabah dan Sarawak, maka secara mutlak peluang untuk pembangunan di luar bandar di sebelah Timur melalui agensi ini memang tidak timbul sama sekali.

Dalam perkara ini Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin mencadangkan dan merayu kepada pihak kementerian supaya tumpuan kementerian harus terus dipertingkatkan untuk pembangunan luar bandar di sebelah Timur iaitu termasuk negeri Sabah dan Sarawak dan memandangkan bukan

melalui agensi-agensi ini sebab mereka tidak terletak ataupun beroperasi di sebelah sana. Selain daripada cadangan Felcra di negeri Sabah, tetapi melalui agensi-agensi kerajaan negeri seperti di peringkat negeri Sabah KPD, seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga seperti Lembaga Tabung Getah yang sebenarnya adalah antara agensi-agensi yang terkanan, yang terlibat dalam pembangunan luar bandar.

Saya telah pun menyentuh perkara ini dalam masa-masa yang lampau kepada pihak menteri supaya mengkaji kemungkinan supaya menumpukan lebih banyak peruntukan melalui agensi-agensi di peringkat negeri sebab secara langsung mereka terbelakang, kerana agensi-agensi yang penting seperti yang saya telah sentuhkan tadi itu tidak bertapak di sebelah Timur dalam negara kita.

Dengan adanya tumpuan seperti begitu Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa ini akan memberi satu lagi landasan yang lebih luas bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil peranan yang lebih luas untuk membasmi kemiskinan di sebelah Timur dan juga untuk meningkatkan kedudukan dan taraf hidup sosio ekonomi rakyat.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya mahu menyentuh di bawah Butiran 01700 - Bekalan Letrik Luar Bandar yang sejumlah RM110 telah pun diperuntukkan bagi tahun 1997. Dan di bawah Butiran 01703 - Sabah, telah pun diperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi tahun yang sama.

Tuan Pengerusi, di dalam perkara ini kita memang berterima kasih kepada pihak kerajaan dengan peruntukan yang saya sebutkan tadi iaitu RM50 juta. Namun dalam pendekatan kita, peruntukan seperti ini memanglah tidak mencukupi untuk menampung keperluan yang lebih luas, apatah lagi dengan janji Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1994 melalui manifesto 'Sabah Baru' bahawa sebelum tahun 2000, 80% daripada semua kampung di negeri Sabah akan dibekalkan dengan bekalan elektrik. Setakat ini kita dimaklumkan bahawa percentage ataupun matlamat itu belum pun sampai separuh untuk dicapai. Jadi, dalam perkara ini saya sekali lagi menggesa kepada kerajaan supaya satu peruntukan yang telah pun dibekalkan untuk tahun hadapan digunakan dengan sungguh-sungguh dan seterusnya juga supaya ditambahkan lagi di mana sesuai dengan keperluan dan permohonan di peringkat kampung melalui JPPS.

Tuan Pengerusi, dalam segi pelaksanaan peruntukan seperti ini pihak kita meminta kepada pihak kementerian supaya meneliti peruntukan untuk bekalan elektrik ini digunakan dengan sungguh-sungguh, sebab pihak kita menerima laporan:

- (i) seringkali projek-projek elektrik yang dibekalkan ini sebenarnya berdekatan dengan daerah ataupun pekan yang seharusnya dibekalkan oleh SEB (Sabah Electricity Board); dan
- (ii) apabila dibekal, kalaulah bekalan itu untuk generator dan seterusnya, pihak kita banyak menerima bahawa kalau peruntukan itu misalnya RM10,000 apa yang digunakan sebenarnya adalah sekadar RM6,000 atau RM7,000 - begitu besar sekali profiteering, dengan izin, yang digunakan oleh para kontraktor-kontraktor yang membekalnya.

Saya memohon supaya pihak kementerian mengkaji perkara ini melalui JPPS negeri Sabah supaya sungutan-sungutan khususnya daripada penyokong-penyokong Barisan Nasional sendiri, yang mengatakan apabila pembekal-pembekal itu membekal projek-projek seperti yang ditentukan oleh kerajaan, profiteering atau profit margin begitu besar sekali.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya bercadang supaya kawasan luar bandar yang terpencil, kita berpendapat bahawa kementerian harus membekal solar daripada membekal generator-generator, sebab solar lebih baik dari segi maintenancenya, penyelenggaraannya dan dari segi kerosakan. Tetapi kalau membekalkan elektrik ataupun enjin elektrik (generator) ini, selepas 1 tahun atau 1½ tahun dia mencari wakil rakyat untuk memperbaiki mesin, beli minyak dan seterusnya, kerana JKK tidak sanggup. Jadi, saya bercadang supaya pihak kementerian dapat meninjau, mengkaji serta melaksanakan setakat mana yang telah pun kita cadangkan.

Tuan Pengerusi, seterusnya Maksud P.48, di bawah Butiran 02000 - Bekalan Air Luar Bandar dan Butiran 02003 - Sabah. Negeri Sabah telah dibekalkan sebanyak RM3 juta secara pembelian langsung dan RM12 juta untuk pinjaman, keseluruhannya adalah RM15 juta.

Kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, namun demikian memandangkan harapan yang tinggi oleh rakyat, seperti mana yang disentuh

oleh Yang Berhormat dari Muar tadi, bahawa harapan begitu tinggi bagi rakyat di negeri Sabah supaya Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan projek-projek bukan sahaja yang dijanjikan, tetapi lebih daripada yang dikatakan.

Begitu juga pada tahun 1994, jaminan ialah 80% daripada semua kampung-kampung di negeri Sabah akan dibekalkan dengan bekalan air, air dalam besi (air paip), seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada tahun yang lalu, iaitu:

Air dalam besi

Lampu dalam kaca

Petik di tepi

Tengah menyala

Tetapi itu sekadar bunga bahasa yang cantik didengar tetapi dari segi pelaksanaan keseluruhan masih jauh. Maka dalam perkara ini pihak kita berharap supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi tumpuan supaya projek-projek yang dilaksanakan di peringkat kampung betul-betul sampai kepada peringkat kampung.

Sama juga dengan bekalan elektrik sungutannya ialah apabila Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengatakan melalui JPPS, bekalan air paip sejumlah RM10,000, tetapi laporannya ialah kadang-kadang RM5,000 atau RM6,000 sahaja yang kelihatan dari segi bekalan yang sampai. Jadi, sekali saya minta kementerian supaya mengkaji perkara ini.

Satu lagi kampung yang khusus di mana saya ingin merayu kepada pihak kementerian iaitu Kampung Sungai Mangadai di daerah Tandek. Pada tahun ini penduduk kampung bergotong-royong untuk membina satu sekolah dua bilik. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana akhirnya telah meluluskan peruntukan tahun 1997 walaupun sekolah itu sekolah kampung sahaja, bangunan kampung, tetapi dimulakan sebagai sekolah kerajaan supaya pelajar-pelajar yang telah berdaftar ketika ini seramai 100 orang nanti boleh diajar oleh guru kerajaan. Sekolah itu tidak ada tandas, tidak ada air, jadi saya merayu supaya pihak kementerian memberi tumpuan kepada kampung ini iaitu Kampung Sungai Magandai dalam daerah Tandek supaya pada bulan Januari tahun hadapan, apabila mereka mula sekolah telah ada bekalan air selewat-lewatnya dan secepat mungkin dalam awal tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, seterusnya di bawah Butiran 02500 - Jalan Kampung yang mana begitu besar sekali sebanyak RM140 juta telah pun dibekalkan ataupun diperuntukkan bagi tahun 1997. Di dalam perkara ini, saya sekali lagi merayu kepada pihak kementerian supaya Jalan Bunsadan, Kota Marudu yang pada fasa I diturap atau diaspal dengan peruntukan daripada kementerian. Saya telah menyentuh perkara ini di Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Undangan Negeri Sabah sebab masih lagi ada 1 kilometer yang belum diturapkan dan terbengkalai selama hampir 1½ tahun. Saya difahamkan peruntukan dahulu tidak mencukupi, tetapi ini dekat kawasan bandar dan nampaknya bukan sahaja menyulitkan para pengguna, tetapi tidak baiklah kelihatan separuh sahaja yang kena turap ataupun 2/3 dan yang 1/3 masih lagi terbengkalai begitu sahaja. Pihak kerajaan negeri dan Kementerian Kerja Raya telah mengatakan di Dewan Undangan Negeri selepas saya menyentuh perkara ini dan beliau sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana fasa I dan peruntukan kira-kira RM1.8 juta telah pun diberi. Jadi, saya mintalah pihak Menteri untuk menelitikan perkara ini.

Seterusnya satu jalan lagi, Tuan Pengerusi, iaitu yang saya sentuh juga mengenai satu soalan yang saya tujukan kepada kementerian ini tetapi di tahun yang di bawah Kementerian Kerja Raya kelmarin iaitu satu Jalan Marak-Parak ke Kampung Togop, Ranau, satu jalan ke kawasan balak tetapi pihak JPPS di Sabah sedia maklum bahawa banyak rakyat kita di sana telah merayu kepada pihak JPPS supaya kemungkinan pihak Kementerian Luar Bandar memperbaiki jalan ini, ia satu jalan balak tetapi ia satu jalan kampung yang akhirnya menjadi hanya jalan yang menghubungkan daerah Ranau dan Kota Marudu. Jauhnya sekadar 25 km sahaja.

Saya ingin merayu supaya pihak kementerian mengkaji kemungkinan untuk memperbaiki jalan ini sebagai jalan kampung dan akhirnya menjadi penghubung utama di antara daerah Kota Marudu dan daerah Ranau dalam negeri Sabah kerana di situ perhubungan yang sangat penting sekali.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, ialah di bawah Kepala Butiran 030000 iaitu PPRT yang diperuntukan jumlah RM95.38 juta bagi tahun hadapan. Di bawah butiran ini ialah 03207 iaitu Program Pemulihan Rumah yang diperuntukan RM25 juta dan juga 03208 berkenaan Peningkatan Ekonomi Kampung yang peruntukan RM16 juta bagi tahun hadapan.

Sekali lagi program-program seperti ini memanglah begitu penting dan amat berguna untuk mengubah hidup dan ekonomi di peringkat kampung. Namun demikian, memandangkan peringkat negeri Sabah ada kemiskinan masih lagi di atas data yang terkini ialah kira-kira 25% dan kalau di luar bandar tidak kurang daripada 40%. Maka saya merayu kepada pihak kementerian supaya program-program seperti ini pemulihan rumah misalnya, di kawasan Bandau, daerah Tandik masih banyak rumah yang sekadar daun sahaja atapnya, bukan pula rumbia tetapi daun kayu.

Saya merayu kepada pihak kementerian supaya bagi tahun hadapan memberi perhatian kepada kawasan Hulu Bengkukah dalam daerah Tandik. Di mana terdapat begitu ratusan bahkan kemungkinan terdapat satu ribu rumah yang masih menggunakan daun terap atau daun kayu atau sekadar daun rumbia. Jadi, saya berharap kerana beberapa kali pihak menteri telah memberi jaminan program PPRT ini tidak memihak kepada mana-mana parti ataupun mana-mana belah pihak.

Jadi, memandangkan keadilan asas untuk pembangunan di dalam program-program ini, walaupun kawasan Bandau terletak dalam kawasan PBS, saya merayulah supaya keadilan itu menjadi kenyataan bagi rakyat di situ. *[Disampuk]* Masuk Barisan - belum lagi lah.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, ialah

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, saya mahu gulung. Iaitu di bawah ini juga, di bawah Kepala 03202 Rancangan Makanan, RM19 juta telah disediakan. Untuk makluman Dewan ini, saya berpendapat, Tuan Pengerusi, walaupun projek dan program ini amat berguna bagi mereka yang tidak mencukupi makanan setiap hari atau setiap bulan, setiap minggu, tetapi barangkali yang lebih baik ialah membantu mereka untuk membantu diri sendiri supaya ada sustainability.

Supaya sekadar mereka bukan berharap kepada hand-out atau bantuan makanan tetapi membantu mereka untuk menanam, memberi benih yang baik membantu untuk mencari pasaran dan saya percaya akhirnya ini membantu mereka untuk menjayakan diri sendiri. Atas semuanya ini, Tuan Pengerusi, atas tindakan yang akan diberi oleh pihak kementerian saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Mentakab.

5.35 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Pengerusi, Terima kasih, izinkan saya sentuh Butiran B060000, P04000 hingga 04018 mengenai dengan RISDA.

Tuan Pengerusi, pada awal tahun 80-an, RISDA telah mengadakan kempen besar-besaran menggalakkan pekebun-pekebun kecil getah menanam semula sama ada kelapa sawit atau menanam semula getah dan RISDA pada masa itu telah berjanji akan memberi perkhidmatan kepakaran dan juga bantuan kewangan dalam projek penanaman semula. Ekoran kempen tersebut lebih kurang 3,800 pekebun-pekebun kecil dari negeri Pahang telah pun menyertai Program Tanaman Semula yang dimajukan oleh RISDA sendiri. Maka seluas 9,485 hektar tanah telah diserahkan kepada RISDA untuk dibangunkan sebagai 76 kelompok dikenali sebagai mini estet.

Dalam perjanjian RISDA dengan peserta dipersetujui bahawa:

- (a) wang bantuan tanaman semula akan diserahkan kepada RISDA untuk tujuan tanaman;
- (b) jika wang bantuan tanam semula tidak mencukupi, RISDA akan memberi pinjaman untuk maksud tersebut;
- (c) RISDA akan mengenakan faedah sebanyak 4% terhadap pinjaman yang diberi;
- (d) mulai tahun kesembilan di mana tanaman telah berhasil, peserta skim mini estet akan dibayar sebanyak RM20 seekar sebulan dan bakinya digunakan untuk bayar hutang RISDA tetapi sekiranya hasil tidak mencukupi peserta tetap akan dibayar RM20 seekar sebulan dan bayaran hutang akan ditangguhkan.

Malangnya, Tuan Pengerusi, perkembangan tidak sebagaimana yang telah dirancangan oleh RISDA. Apa sebenarnya berlaku ialah hasil pendapatan mini estet yang dimajukan dan diuruskan oleh RISDA adalah begitu rendah sama ada tanaman getah atau kelapa sawit dan RISDA cuma mampu membayar dividen sebanyak RM13.43 sehektar sebulan atau RM191 sehektar setahun dan sekiranya dividen tersebut tidak diambil oleh peserta ia akan digunakan untuk membayar ansuran pada pinjaman dari RISDA.

Akibat dari perkembangan tersebut saya telah difahamkan bahawa pada akhir tahun 1993, hutang

yang terkumpul yang ditanggung oleh peserta-peserta atau pekebun-pekebun kecil tersebut ialah sebanyak RM69 juta iaitu purata iaitu lebih kurang RM18,000 setiap orang pekebun kecil.

Saya ingin minta penjelasan dari kementerian sama ada angka-angka itu adalah benar atau tidak dan jika benar, perkara ini adalah amat serius sebab pekerja-pekerja telah menyertai program penanaman semula atas seruan RISDA dan mereka diyakinkan pada masa itu bahawa dengan menyertai program tersebut pendapatan dan taraf hidup akan dapat dipertingkatkan tetapi pada hakikatnya nampaknya selepas 14 tahun bukan sahaja matlamat-matlamat asal tidak tercapai malahan mereka telah dibebankan dengan hutang yang begitu banyak.

Persoalannya, Tuan Pengerusi, yang pertama ialah di mana kesalahannya dalam projek ini. Apakah faktor utama yang menyebabkan kegagalan dalam projek tersebut? Adakah ini berkaitan dengan ketidakcekapan dalam pengurusan dan kepakaran RISDA atau kemungkinan berlaku kecuaiannya manusia? Adakah benar selain daripada hasil pengeluaran yang rendah, kos pengeluaran tanaman getah juga adalah tinggi iaitu lebih kurang RM1.17 sekilo dibandingkan dengan kos ladang swasta di mana kos pengeluarannya adalah lebih kurang daripada RM1.00 sekilo manakala kos pengeluaran dari kelapa sawit ialah RM171 semetrik tan dibandingkan dengan cuma lebih kurang RM70 semetrik tan yang dikendalikan oleh ladang swasta. Saya juga minta penjelasan kementerian mengenai angka-angka tersebut.

Persoalan kedua ialah apakah keputusan atau tindakan yang akan diambil oleh kementerian mengenai dengan bebanan hutang yang begitu banyak ditanggung oleh pekebun-pekebun kecil kita yang telah menyertai program tersebut? Persatuan Pekebun Kecil Pahang telah mempersalahkan RISDA yang telah menyebabkan keadaan tersebut dan mereka telah meminta kementerian atas pertimbangan perikemanusiaan, sama ada pihak kementerian dapat melupakan hutang yang begitu besar dan saya minta penjelasan dan pandangan kementerian.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sri Aman.

5.42 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebagai Ahli yang datang

dari luar bandar dan juga mewakili penduduk-penduduk luar bandar, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar atas usaha kementerian yang berhasrat menggalakkan usaha-usaha pembangunan dan sektor luar bandar, selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial penduduk luar bandar dalam usaha untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara sektor bandar dan luar bandar.

Tuan Pengerusi, Gerakan Desa Wawasan yang baru sahaja diperkenalkan adalah satu konsep yang sangat baik, tetapi saya nampak masih begitu ramai penduduk-penduduk luar bandar yang masih belum mengerti apa itu Gerakan Desa Wawasan.

Apa yang mereka telah buat ialah menebas kawasan rumah panjang atau jalan kampung mereka. Oleh kerana mereka miskin, mereka masih menunggu bantuan dalam bentuk kewangan ataupun bahan-bahan yang diperlukan oleh mereka. Cadangan saya adalah seperti berikut:-

- (i) Di Sarawak, Gerakan Desa Wawasan patutlah merangkumi beberapa buah rumah panjang, bukan sebuah rumah panjang sahaja. Sebabnya ialah rumah panjang ini berkongsi jalan raya, bekalan air dan tanah-tanah yang di sekitarnya itu.

Kita juga mahu menggalakkan semangat kekitaan. Apa yang terjadi sekarang ialah apabila kita memilih sebuah rumah panjang, rumah-rumah panjang yang berdekatan merasa ditinggalkan, merasa diabaikan dan merasa terhina dan marah dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pihak kerajaan;
- (ii) menjalankan kempen kesedaran melalui media massa dan juga saya minta Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan Luar Bandar turun ke padang dan menerangkan wawasan mereka kepada orang-orang yang terlibat supaya mereka tahu apakah harus mereka buat dan apakah expectation yang munasabah dan apakah yang tidak munasabah dari mereka;
- (iii) kementerian juga harus memberi taklimat kepada jabatan-jabatan kerajaan yang akan dilibatkan dan jangan meletakkan segalanya di bahu pegawai KEMAS tempatan oleh kerana pegawai KEMAS itu

tidak begitu kanan dan tidak mempunyai kewibawaan yang cukup untuk memujuk jabatan-jabatan lain untuk memenuhi hasrat Kementerian Pembangunan Luar Bandar;

- (iv) hasrat Menteri untuk melibatkan badan korporat adalah satu pendekatan yang sangat baik dan inovatif. Ini boleh berjaya di Semenanjung, tetapi di pedalaman Sarawak, saya rasa ia tidak akan berjaya oleh kerana pertama, tidak begitu banyak firma-firma yang bermastautin di Sarawak dan menyokong Gerakan Desa Wawasan di pedalaman yang tidak akan membawa apa-apa manfaat kepada mereka.

Saya minta kementerian menerima kenyataan bahawa peruntukan kewangan perlu dan mesti diberi untuk menjayakan program Gerakan Desa Wawasan ini.

Tuan Pengerusi, saya nampak anggaran untuk perpustakaan masih 129 buah, sama dengan jumlah pada tahun 1995 dan tahun 1996. Ini adalah satu rancangan yang baik dan saya minta ia ditambah dan diselenggarakan dengan baik dan peruntukan untuk membeli bahan-bahan bacaan dan rujukan mencukupi setiap tahun.

Tuan Pengerusi, Taman Bimbingan Kanak-kanak juga perlu ditambah supaya penduduk di luar bandar merasa kampung merekalah syurga mereka dan supaya mereka tidak akan berhijrah ke bandar meninggalkan ibu bapa, sahabat dan tanah pusaka mereka.

Saya juga minta kementerian berusaha membina bangunan tadikanya sendiri dan jangan menumpang sekolah-sekolah rendah kerajaan oleh kerana ini menyusahkan semua pihak di samping menunjukkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak serius untuk menjayakan programnya itu.

Tuan Pengerusi, kita telah difahamkan bahawa kementerian sekarang ada daftar tentang kemiskinan dan saya berharap Program Pembangunan Rakyat Termiskin sekarang dapat dijalankan dengan lebih sempurna, lebih licin dan lebih berkesan. Saya berharap semua penduduk negara dapat manfaat dari program ini. Saya juga minta data-data yang relevan sentiasa dapat dikemaskinikan. Di Sarawak saya minta semua kawasan dan semua kaum diberi layanan yang saksama.

Tuan Pengerusi, untuk rancangan elektrik, projek-projek jalan kampung dan jalan-jalan luar

bandar, saya minta perancangan yang lebih fokus, lebih rapi dan pelaksanaan yang lebih cepat. Di kawasan saya, permintaan begitu banyak tetapi yang diluluskan hanya begitu sedikit, seolah-olah menunjukkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak mempedulikan rakyat yang terpaksa menderita dalam gelap dan berjalan kaki berjam-jam membawa bahan binaan, beras dan keperluan harian yang lain di atas bahu mereka.

Saya tahu ini bukanlah hasrat Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Oleh yang demikian, saya minta KPLB mengadakan penilaian dan pengesanan yang berterusan kepada semua pelaksanaan programnya. Kalaulah ada bottle neck - ada seorang dua pegawai yang tidak larat atau jemu menjalankan tugas, KPLB patut ada pelan tindakan yang lain untuk mengatasi masalah ini dengan serta merta.

Tuan Pengerusi, saya masih mengulang permintaan saya supaya jalan-jalan yang dibina oleh syarikat pembalakan diambil alih oleh KPLB supaya mencepatkan pelaksanaan jalan luar bandar.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya juga minta FELCRA dan RISDA berunding dengan pegawai-pegawai yang relevan di Sarawak untuk mencari jalan bagaimana mengembangkan aktiviti dua badan ini ke Sarawak.

Dengan harapan yang begitu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:
Selangau.

5.48 ptg.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]:
Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Maksud Bekalan 48, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sebagai seorang Wakil Rakyat dari kawasan luar bandar, Selangau, negeri Sarawak, memang banyak perkara saya ingin sentuh mengenai masalah rakyat yang tinggal di luar bandar, tetapi oleh kerana kesuntukan masa, saya cuma menyentuh beberapa perkara sahaja dengan secara ringkas di bawah Butiran 00400 - Pendidikan Pra Sekolah yang diperuntukkan sebanyak RM25 juta, Butiran 01702 - Bekalan Elektrik Luar Bandar: Sarawak yang diperuntukkan sebanyak RM50 juta dan Butiran 02002 - Bekalan Air Luar Bandar: Sarawak yang diperuntukkan sebanyak RM10.4 juta.

Saya juga merujuk kepada Butiran 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar yang diperuntukkan RM130 juta bagi seluruh negara dan Butiran 04800 - Penanaman Semula Getah Sarawak yang diperuntukkan sebanyak RM4 juta, Butiran 04213 - Pembangunan IKS yang diperuntukkan RM5.6 juta dan akhir sekali mengenai dengan Butiran 03201 - Program PPRT.

Tuan Pengerusi, pertamanya, saya ingin menyentuh mengenai prasekolah luar bandar Sarawak. Memandangkan negeri Sarawak, negeri yang terbesar di Malaysia, kawasan begitu luas dan saya difahamkan lebih 6,000 buah rumah panjang dan kampung-kampung yang mana penduduknya bertaburan di merata-rata tempat yang begitu sukar untuk dihubungi oleh pegawai-pegawai KEMAS atau pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan untuk melaksanakan pendidikan prasekolah.

Jadi, soalan saya setakat ini berapakah buah prasekolah di Sarawak dan berapakah peruntukan telah diagihkan oleh kerajaan sama ada prasekolah ini mempunyai bangunan yang tersendiri atau menggunakan balai-balai raya yang sedia ada di kampung-kampung atau di rumah panjang tertentu. Adalah prasekolah itu cukup guru pelatih. Saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian kerana apabila wakil rakyat datang ke satu kawasan banyak rungutan daripada ibu bapa mengenai prasekolah di luar bandar dan mereka minta peruntukan dari wakil rakyat tetapi peruntukan dari wakil rakyat tidak cukup hanya boleh diberi kepada projek-projek kecil luar bandar sahaja.

Tuan Pengerusi, saya harap kementerian dan kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menentukan prasekolah di luar bandar diatur dengan baik kerana setiap ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka akan dibekalkan dengan ilmu dan pendidikan yang tinggi bagi mengalami proses peralihan zaman daripada industrial ages kepada information age, dengan izin, ke abad ke-21 nanti.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh tentang bekalan api elektrik, bekalan air bersih dan jalan-jalan bandar Sarawak di mana saya telah menyatakan sebentar tadi, lebih 6,000 buah kampung dan rumah panjang di Sarawak di mana lebih separuh dari tempat itu amat berkurangan kemudahan asas seperti tidak ada jalan-jalan raya, jalan-jalan kampung, mereka masih menggunakan bot-bot kecil dan berjalan kaki. Tidak ada bekalan api elektrik, orang-orang kampung dan rumah panjang masih menggunakan lampu tanah waktu

malam. Tidak ada bekalan air yang bersih, mereka masih minum air sungai yang begitu keruh atau kotor kerana aktiviti pembalakan di sekeliling mereka. Inilah realiti keadaan hidup orang Sarawak terutama masyarakat bumiputera kita yang tinggal di luar bandar.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mintalah supaya peruntukan bagi pembangunan dan kemajuan luar bandar akan ditambahkan berlipat ganda, bukan sahaja bagi negeri Sarawak tetapi bagi semua negeri-negeri yang masih mundur di mana penduduk yang tinggal di luar bandar belum lagi ada kemudahan asas seperti yang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya soalan lebih spesifik kepada kementerian iaitu berapakah peruntukan telah diagihkan bagi bekalan elektrik, bekalan air paip serta jalan-jalan raya atau jalan-jalan kampung bagi kawasan saya di Selangau pada tahun 1997. Saya menyatakan di sini kerana di kawasan saya sahaja lebih 500 buah rumah panjang dan kebanyakan rumah-rumah panjang ini belum ada kemudahan asas seperti yang tersebut.

Mengenai jalan-jalan raya kalau tidak salah ingat saya di seluruh negeri Sarawak, lebih 200 batang jalan-jalan kampung yang belum ditar, masih menggunakan jalan tanah merah. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian setakat ini berapakah jalan-jalan kampung di luar bandar Sarawak telah dinaikkan taraf dan ditar dan berapa lagi akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh? Berapa batang jalan di kawasan saya Selangau akan dibina dalam tahun 1997? Misalnya seperti jalan yang berikut, Jalan Sungai Sangan, Anapkakus, Jalan Sungai Arip Balangian, Jalan Bijih Sebakung Talian, Jalan Ulu Yak ke Sungai Pakuh, Jalan Ulu Mukah-Selangau dan Jalan LKTS-Mukah Balangian sama ada ditar atau tidak dan jalan-jalan yang lain.

Memandangkan banyak jalan-jalan balak yang sedia ada di kawasa luar bandar, saya mencadangkan supaya jalan-jalan ini dapat diambil alih oleh kerajaan sebagai jalan raya yang dapat menghubungkan tempat-tempat atau rumah panjang di luar bandar negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyentuh penanam getah semula di seluruh Sarawak, pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Luar Bandar (IKS) dan Program PPRT.

Tuan Pengerusi, ramai pekebun kecil di luar bandar telah menanam getah beberapa lama semasa zaman Brooke dahulu, jadi

kebanyakan getah mereka ini sekarang tidak dapat ditoreh lagi kerana kebanyakan pokok itu telah tumbang dan sudah tua. Jadi, saya minta kerajaan memberi subsidi kepada pekebun getah supaya mereka dapat menanam klon getah yang terbaru, terkini yang lebih produktif kepada penduduk-penduduk, misalnya di Kampung Sebentik dan di tempat-tempat yang lain.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Program Industri Kecil dan Sederhana luar bandar memang baik tetapi saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian, apakah syarat-syarat untuk melaksanakan projek Industri Kecil dan Sederhana di luar bandar (IKS). Saya telah difahamkan, sama ada benar atau tidak, orang kampung tidak dapat mengadakan projek ini kerana ia hanya dapat ditempatkan di kawasan tanah yang ada geran sahaja ataupun di kawasan zon industri. Jadi, masalahnya kebanyakan tanah di luar bandar tidak ada geran. Apakah tindakan kerajaan dalam perkara ini?

Akhir sekali, mengenai Program PPRT di Sarawak. Berapakah peruntukan diberi kepada Sarawak? Adakah senarai PPRT ini dibuat dengan secara teliti? Saya telah difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu, hanya seorang sahaja didapati yang miskin di seluruh kawasan Lubok Antu. Sama ada ini benar atau tidak, saya bukan wakil rakyat Lubok Antu tetapi saya tahu tidak logik hanya satu orang sahaja di kawasan itu yang miskin. Saya ingin bertanya, berapa orang dalam senarai PPRT di kawasan saya Selangau, berapa keluarga termiskin telah diberi saham dan bantuan untuk membina rumah sendiri di kawasan Selangau. Jikalau boleh saya mencadangkan, minta senarai PPRT ini akan diberikan kepada semua wakil rakyat untuk disemak dengan teliti supaya ia benar-benar menggambarkan realiti rakyat termiskin di negara kita ini. Saya harap apa yang saya bahaskan dapat diambil tindakan oleh pihak kerajaan kerana kita mahu kerajaan Barisan Nasional yang benar-benar membela nasib rakyat ke arah negara

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:maju dalam Wawasan 2020.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Sri Aman tadi bangun ya. Jadi tidak sempat Yang Berhormat ya.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Boleh.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Pengerusi, saya mesti minta penjelasan.....

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Boleh, boleh, silakan. *[Ketawa]*

Tuan Jimmy Donald: Saya mesti minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Selangau.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia beri jalan ya.

Tuan Jimmy Donald: Saya telah mendengar dari kawasan Lubok Antu, hanya seorang sahaja rakyat yang termiskin. Jadi, bukankah ini kerana Kementerian Pembangunan Luar Bandar menggunakan perkhidmatan jabatan yang lain seperti Jabatan Pertanian dan oleh kerana kita menumpang kasih dari orang, apabila orang ada masa orang buat untuk kita, bila tidak ada masa tidak buat. Kerana itulah pulangan itu begitu dahsyat, begitu mengeciwakan? Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman. Jadi, tentang senarai PPRT yang saya katakan tadi, saya tidak percaya kawasan Lubok Antu itu hanya seorang sahaja, boleh jadi kerana sekarang di Lubok Antu ada rancangan kelapa sawit (oil palm), itulah sebab hanya seorang sahaja yang miskin tetapi sama ada program ini telah dijalankan oleh pegawai-pegawai yang bertugas dengan cara yang teliti atau tidak, itu saya tidak tahu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Jawah ak. Gerang: *[Bangun]*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.....

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Ha, ini ramai ini, yang mana satu?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ada tiga orang, itu terpulang kepada Selangau.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Beri Yan. *[Ketawa]*

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Boleh sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebenarnya Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan mengenai Lubok Antu ini. Saya belum pernah ke situ tetapi saya hendak bertanya, berapa ramaiakah rakyat yang berada di kawasan Lubok Antu itu kerana nama tempat itu juga saya merasa bimbang juga, takkan ramai hantu daripada orang? Hinggakan kementerian tidak mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan. Jadi, mungkin Yang Berhormat sebagai jiran boleh memberi penjelasan, sama ada manusia ramai ataupun hantu yang ramai? *[Ketawa]*

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Terima kasih Yang Berhormat dari Yan. Sebenarnya hanya nama sahaja 'Lubok Antu'. Kebanyakan orang di Lubok Antu itu adalah manusia. *[Ketawa]* Sekian.

Tuan Jawah Anak Gerang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Lubok Antu bangun. Hendak minta apa?

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Pengerusi, oleh kerana topik yang dikatakan tadi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Nampaknya Selangau sudah habis berucap. Sudah habis?

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Bolehlah, beri jalan kepada Lubok Antu, seorang sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Dia hendak minta laluan.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Pengerusi, oleh kerana tadi melibatkan kawasan Lubok Antu yang diperkatakan, terima kasihlah, yang paling kaya di Malaysia ini, hanya seorang sahaja yang miskin. Jadi, saya telah difahamkan ini masalah teknikal, borang-borang yang telah diberikan oleh pegawai daerah di Lubok Antu tidak sampai ke kementerian. Jadi, bukan semestinya Lubok Antu adalah paling kaya di Malaysia ini. Saya.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jadi, apakah soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Jawah Anak Gerang: Bolehkah saya jawab Yan tadi?--

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa tak boleh.

Tuan Jawah Anak Gerang: Saya orang dari Lubok Antu, tetapi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak betul dari segi Peraturan Mesyuarat ini, tidak ada.

Tuan Jawah Anak Gerang: Ya?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tidak boleh, ya. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Okay, saya.....

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, saya dahulu, selepas itu.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Batang Lupar pula.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Yang Berhormat, saya beri seorang sahaja sebab Lubok Antu belum dijawab tadi. Jadi, terima kasih Yang Berhormat dari Lubok Antu. Saya telah difahamkan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Lubok Antu boleh jadi benar, sebab borang-borang yang diisi itu boleh jadi hanya didapati dari pegawai kebajikan, bukan secara teliti kepada rumah-rumah panjang. Oleh sebab itulah hanya seorang sahaja miskin yang terdapat di kawasan itu. Terima kasih.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Dia sudah habis berucap, Yang Berhormat?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya minta secara ikhlas dan serius. Ini soalan.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu. Selangau sudah habis berucap!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hendak soal, hendak tanya penjelasan. Ini soalan berkenaan satu orang miskin dalam satu kawasan ini. Jadi, dalam kawasan saya pun sudah berlaku perkara ini, sampai sekarang senarai orang miskin tidak ada. Maknanya, tidak ada orang miskin dalam kawasan saya. Tetapi dalam penyelidikan yang dibuat pada tahun 1990, hampir 60% orang dalam kawasan Batang Lupar di bawah paras miskin. Soalnya, orang yang dekat sekali dengan rakyat ialah wakil rakyat, bukan pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan kadang-kadang bila sudah lena dengan air-cond, cuaca yang sedap dalam bilik dia, dia lupa, tidak pergi melawat kawasan.

Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat rakan saya dari Selangau sama ada beliau bersetuju dengan saya, seperti kawasan di Sarawak yang

mana kawasannya besar di pedalaman dan orang-orang biasa yang berjumpa dengan rakyat secara dekat dan secara terus ialah wakil-wakil rakyat. Pada masa sekarang kerajaan menggunakan saluran jabatan mengambil senarai-senarai orang yang miskin, tetapi senarai yang diberi oleh wakil rakyat diketepikan. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat kalau kita cadangkan kepada kementerian dan kementerian menggunakan senarai-senarai daripada wakil rakyat dan mereka boleh 'counter check', dengan izin, lagi senarai itu supaya meneliti sama ada senarai yang diberi oleh wakil rakyat itu secara baik dan tidak dipolitikkan senarai itu. Kita bersetuju tetapi macam mana pandangan Yang Berhormat mengenai cadangan saya ini?

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Terima kasih Yang Berhormat dari Batang Lupar. Saya rasa semua pihak mesti bekerjasama sama ada dari Jabatan Pertanian, KEMAS atau dari wakil rakyat, sama ada wakil Parlimen atau Adun, mereka ini sama-sama bekerjasama dan senarai itu patut dikemukakan kepada wakil rakyat untuk disemak semula dan ini dapat dirundingkan bersama-sama. Kita tidak mahu hanya di sebelah pihak sahaja untuk menentukan sama ada senarai itu betul-betul diteliti bila dijalankan di kampung-kampung atau di rumah panjang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tuanan.

6.05 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan beberapa bahagian dalam peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu P.48. Yang pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai peruntukan Butiran 01700 - Bekalan Letrik Luar Bandar.

Memang kita tahu bahawa seharusnya pihak Kementerian Luar Bandar tidak sepatutnya bertanggungjawab tentang ini oleh kerana kita di negeri Sabah mempunyai Lembaga Letrik Sabah dan juga di Sarawak pun demikian serta di Semenanjung mempunyai Tenaga Nasional Berhad, tetapi memandangkan kita mempunyai kementerian, maka inilah satu tanggungjawab tambahan bagi kementerian dan saya mengalu-alukan peruntukan ini.

Tetapi yang saya ingin membawa kepada perhatian kementerian ialah supaya peruntukan ini tidak disalahgunakan semata-mata untuk

kepentingan beberapa orang tertentu sahaja. Saya mengatakan demikian, oleh kerana satu perkara yang terjadi di kawasan saya, di Kampung Wasai untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri di mana ada dua set generator diberi sejak beberapa tahun yang lalu, tetapi generator itu tidak memberi manfaat kepada penduduk oleh kerana tidak ada peruntukan untuk pendawaian dan sehingga sekarang dua set generator itu tidak berfungsi. Jadi, saya minta kementerian untuk memberi peruntukan bagi maksud pendawaian agar generator itu akan dapat digunakan.

Saya minta juga supaya kementerian akan memperluaskan bekalan elektrik di luar bandar, terutama yang terpencil dengan menggunakan tenaga solar, bukan sahaja untuk jangka masa panjang tetapi mungkin daripada segi penyelenggaraan terutama di kampung-kampung yang tidak ada jalan raya mengangkut bekalan minyak, solar akan lebih sesuai lagi diguna pakai.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga mengenai PPRT yang mana memang kita faham tujuannya memang baik, tetapi saya ingin membuat cadangan di sini supaya pihak kementerian mengkaji semula dasar ini dan seharusnya dasar itu ialah mengajar rakyat bagaimana "memancing ikan" dan bukan "memberi ikan" kepada rakyat setiap hari. Oleh kerana kalau dia tahu bagaimana "memancing ikan", dia tidak akan terus bergantung kepada pemberian ikan seharian. Tetapi kalau kita beri dia ikan sehari-hari, dia akan terus minta ikan. Saya harap pihak kementerian akan mengutamakan pembinaan mental dan juga untuk rakyat berdikari. Memang pada awalnya kita perlu juga memberi bantuan sekali-sekala.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Yunof Edward Marinking: Oh, 10 minit sahaja, tidak ada masa. Saya tahu Yan pun mahu berucap begitu juga.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Susahlah ini macam. Kasi 'chance'lah!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, teruskan.

Tuan Yunof Edward Marinking: Ya, terima kasih. Tuan Pengerusi, saya katakan tadi iaitu memang sekali-sekala kita perlu juga memberi bantuan kepada mana-mana rakyat terdesak, tetapi itu janganlah menjadi amalan.

Yang paling penting pada pandangan saya ialah menyediakan infrastruktur di luar bandar supaya rakyat dapat mengubah sikap iaitu berusaha dan berdikari sendiri melalui pengusahaan tanah-tanah mereka. Misalnya di Sarawak dan di Sabah, saya pasti bahawa hampir semua rakyat mempunyai tanah tetapi masalahnya ialah prasarana jalan raya menyebabkan mereka tidak dapat mengusahakan tanah oleh kerana walaupun mereka berusaha hasil tani mereka itu tidak boleh dipasarkan. Justeru itu, menyebabkan mereka tidak mahu berusaha. Demikian juga para nelayan yang mana terencil daripada jalan raya, tidak ada jalan raya untuk mengangkut hasil dan justeru itu mereka tidak bergiat di dalam usaha mereka.

Jadi, saya haraplah supaya pihak kementerian dengan kerjasama kementerian-kementerian yang lain membuat kajian di mana tujuan utamanya untuk pembasmian PPRT ini adalah berdasarkan rakyat boleh berdikari dan perubahan mental supaya mereka tidak mahu terus bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata.

Dan saya juga ingin menyentuh tentang pemodenan kampung, di mana saya dapati bahawa tahun ini peruntukan untuk maksud ini ialah lebih kurang RM71 million, tetapi untuk tahun hadapan dikurangkan menjadi hanya RM1.2 million sahaja. Jadi, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, adakah ini perubahan dasar di mana pemodenan kampung tidak lagi menjadi tujuan utama kerajaan ataupun di dalam dasar baru itu ada peruntukan lebih kurang RM7 million, tetapi yang saya nampak di situ iaitu maksudnya ialah pemberian tetap yang bermaksud mungkin hanya untuk gaji kakitangan sahaja. Jadi, kalau itulah hakikatnya, saya fikir kita tidak akan mencapai matlamat kita untuk memperseimbangkan pembangunan di bandar dan di luar bandar.

Jadi, saya minta kementerian mengkaji semula perkara ini dan kalau ada perubahan dasar, janganlah begitu mendadak, oleh kerana tadi, di lain-lain kawasan pun sama ada di kawasan Barisan Nasional ataupun di kawasan pembangkang sama-sama juga keluhan ataupun permintaan itu ada dan sememangnya peruntukan untuk pembangunan tidak perlu memilih bulu ataupun fahaman politik, oleh kerana kita mengamalkan fahaman demokrasi dan pelaksanaan projek ataupun bantuan itu seharusnya menyeluruh kepada semua rakyat.

Tuan Pengerusi, akhir sekali ialah mengenai pelaksanaan. Saya harap pihak kementerian akan memastikan supaya sasaran projek akan tercapai. Kita berterima kasih kepada kementerian, oleh

kerana mendapat peruntukan yang begitu banyak iaitu lebih kurang RM1.5 billion pada keseluruhannya. Tetapi, walaupun ada peruntukan jika penyeliaan pelaksanaan itu tidak berkesan, maka kerajaan akan mengalami kerugian. Maksud saya di sini ialah di mana ada laporan yang saya terima di mana projek itu dikatakan telah dilaksanakan, tetapi bila diperiksa, sebenarnya belum pun dimulakan.

Dan satu contoh, di kawasan saya di mana seorang pegawai JPPS telah ditangkap oleh BPR oleh kerana dia telah mengesahkan bahawa ada satu projek telah dilaksanakan sedangkan yang sebenarnya tidak dilaksanakan.

Saya kluatir kalau-kalau ini hanya 'the tip of the iceberg' di dalam pelaksanaan pembangunan luar bandar ini. Ini boleh berlaku oleh kerana manusia itu manusia juga. Ia boleh bermuafakat dengan lain-lain agensi pelaksanaan dan terutama di kampung di mana di musim hujan ialah perubahan jalan raya misalnya kita tidak boleh tahu sama ada sudah betul dilakukan atau tidak, oleh kerana begitu pantas kerosakannya. Justeru itu, saya harap pihak kementerian akan memperketatkan kawalan untuk penyeliaan pelaksanaan projek-projek ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi masalah yang saya nampak didalam pelaksanaan ini, ialah

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Pengerusi, saya akan gulung. Ialah projek-projek itu dijalankan waktu tengah malam. Saya dapati di mana penghantaran batu-batu di kampung-kampung dilakukan sama ada pukul 9.00 malam ataupun ada yang di waktu tengah malam dan rakyat bertanya, kenapa begini?

Seorang Ahli: Pukul 12.00 malam.

Tuan Yunof Edward Maringking: Dan saya fikir ada sesuatu yang tak kena di dalam perkara ini. Saya harap pihak kementerian akan mengambil perhatian. Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong dan berharap akan dilaksanakan segala projek yang dirancang untuk menepati sasarannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong Karang.

6.15 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi

peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya ingin menyentuh Butiran 00400 - Pendidikan Prasekolah.

Pertama sekali, saya ingin menyampaikan tahniah daripada guru-guru KEMAS kepada pihak kementerian yang telah menaikkan gaji guru-guru KEMAS TBK ini daripada RM464 kepada RM727. *[Tepuk]*

Jadi, saya ucapkan syabas dan tahniah di atas keprihatinan pihak kementerian terhadap kebijakan dan juga keperluan guru-guru tadika ini.

Walau bagaimanapun, kita masih lagi merasa sedih kerana kemudahan kepada kelas-kelas tabika ini masih lagi kekurangan. Saya ingin merayu kepada pihak kementerian supaya dapat mengkaji semula dasar yang menyatakan bahawa konsep kelas tadika ini dilaksanakan sama seperti konsep kelas dewasa yang diadakan sejak berpuluh tahun yang lepas. Kerana pada hari ini, prasekolah ini telah menjadi satu kewajipan di bawah Akta Pendidikan dan kita dapati seolah-olah tidak ada keadilan daripada segi murid-murid ini mendapat pendidikan prasekolah.

Kalau di dalam bandar, kita dapati prasekolah ini dibuat dengan baik, walaupun secara swasta. Begitu juga ada pelbagai kumpulan yang membuat ataupun menyediakan kemudahan prasekolah ini. Oleh itu, kita harap bahawa sukatan pendidikan prasekolah yang berbagai ini dapat diselaraskan.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian yang dahulunya ada menyatakan bahawa sukatan ini akan diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, pendidikan prasekolah ini amat penting

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya ingat tadi, Ahli Yang Berhormat hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Menteri juga kerana prestasi kepada kakitangan KEMAS.

Walau bagaimanapun, ingin saya merakamkan ucapan tahniahlah dan saya mahu bertanya kepada

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju dan ingin mencadangkan supaya melalui peruntukan yang disediakan dalam tempoh RMK-7 ini sebanyak RM40 juta kalau kita tidak silap, kementerian juga akan melihat tentang persiapan dan juga keadaan bangunan tadika di kawasan-kawasan Felda dan sebagainya dan juga di kawasan estet, di kawasan pendalaman dan juga di kawasan perkampungan Orang Asli? Kerana masih terdapat lagi permasalahan di kalangan mereka ini yang tidak dapat menikmati bangunan yang agak selesa dan mendapat kemudahan yang sempurna.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya dari Jelebu. Sebenarnya, itulah yang saya hendak cakapkan *[Ketawa]* mengenai bangunan tabika ini yang sering kali dinyatakan bahawa peruntukan khas ini tidak ada, kalau ada pun tidak mencukupi.

Maka sudah sampai masanya pada hari ini, kementerian mesti memberikan peruntukan khas untuk membina bangunan tabika. Ini saya merayulah bagi pihak estet atau luar bandar yang mana kita dapati, kanak-kanak ini, kalau kita memperkenalkan dunia persekolahan, ala yang ada pada hari ini, kita bimbang bahawa kanak-kanak ini akan memikirkan bahawa sekolah ini merupakan satu penderitaan.

Saya mengambil contoh di kawasan saya, ada 50 bangunan tadika, 25 buat di balai raya, 8 buah di bawah surau dan 9 lagi di kantin sekolah. Di kantin sekolah ini, di bangunan yang dihukum runtuh oleh pihak JKR. Kita wakil rakyat terpaksa merayu dengan JKR, jangan runtuhkan lagi bangunan ini, kalau bangunan sekolah ini runtuh, budak-budak akan belajar di bawah pokok. Surau pula Tuan Pengerusi, bukannya atas surau, tetapi di bawah surau, kipas pun tidak ada, kemudian suraunya kecil, panas! Balai raya pula, bila kita gunakan untuk kelas-kelas tadika ini sudah tentu, JKKK pula tidak ada tempat hendak bermesyuarat.

Jadi, oleh itu, sudah sampai masanya kelas tadika mesti diberi keutamaan. Kalau tidak, seperti yang saya nyatakan tadi, kanak-kanak yang baru menjejak ke alam persekolahan ini, akan merasa bosan, dia rasa inikah yang dinamakan sekolah. Maka, kalau murid-murid ini merasakan satu penderitaan pergi sekolah, kita khuatir bila mereka besar nanti, mereka rasa benci hendak pergi sekolah. Kalau kita bandingkan di bandar yang saya nyatakan tadi, kemudahannya begitu selesa, walaupun dianjurkan oleh pihak swasta. Jadi, saya harap peruntukan ini sudah sampai masanya

kementerian mestilah memberikan peruntukan khas kepada bangunan tadika ini.

Yang kedua, saya hendak menyentuh mengenai Butiran 020000 Gerakan Masyarakat. Gerakan masyarakat ini saya ingin sentuh mengenai Penyelia-penyelia Agama KEMAS. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian ini di samping kita menyedarkan masyarakat daripada segi pembangunan negara dan juga pembangunan masyarakat, KEMAS juga mengambil berat mengenai pendidikan agama.

Sesungguhnya, pengajaran-pengajaran agama oleh penyelia KEMAS mengenai agama ini mendapat sambutan daripada orang-orang kampung. Penyelia-penyelia Agama inilah yang kita harap, di samping kita juga ada Takmir, ada KAFA, dia telah mendapat sambutan daripada orang-orang kampung dan orang kampung ini bila dengar Penyelia-penyelia Agama ini mengadakan ceramah-ceramah agama, mereka akan datang dan bawa anak-anak mereka. Maka, ini satu platform yang baik. Tetapi malangnya, saya difahamkan Penyelia Agama ini semakin lama, semakin kurang. Hari ini saya difahamkan semua jawatan-jawatan yang telah kosong, dikosongkan oleh Penyelia Agama tidak ada diganti. Di tempat saya sudah tinggal seorang sahaja, dulu ada ura-ura hendak mengadakan bahawa setiap ahli Parlimen ini ada Penyelia Agama dan kemudian di bawah Penyelia Agama ini, di tiap-tiap DUN ada Penyelia-penyelia Agama yang khusus kepada setiap DUN. Tetapi hari ini sudah terbalik, jangan kata hendak ada penyelia kawasan tetapi hari ini satu kawasan hanya ada seorang sahaja Penyelia Agama kerana Penyelia-penyelia Agama yang tiap-tiap DUN yang sudah bersara, jawatan ini tidak diisi.

Maka, saya harap pihak kementerian mestilah mengambil berat mengenai didikan agama ini dalam kita bercakap mengenai masalah sosial belia, masalah sosial masyarakat. Maka, penekanan mengenai guru-guru, Penyelia-penyelia Agama ini haruslah kita pertingkatkan.

Begitu juga mengenai pembangunan jalan-jalan raya, kita harap jalan-jalan kampung yang dijanjikan akan terus diberi perhatian supaya ianya akan dapat memberi keselesaan kepada orang kampung. Dengan ini, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yan.
4.23 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:
Terima kasih, Tuan Pengerusi. Last pun lastlah. Tuan Pengerusi, pertama saya hendak ucap tahniah

kepada menteri kerana masih menyambung KEDA sebagai satu regional untuk membangun masalah orang miskin dalam kawasan KEDA.

Sebelum itu, Tuan Pengerusi, saya ingin memberi sedikit ingatan kepada kementerian supaya apabila kita hendak menswastakan agensi-agensi ini ataupun lembaga-lembaga ini, kita pastikan bahawa apabila diswastakan, orang yang terlibat di dalam kawasan-kawasan tersebut tidak menanggung kesusahan. Swasta ini, Tuan Pengerusi, ada baiknya tetapi kadang-kadang apabila yang menswastakan itu hanya mementingkan keuntungan, maka akhir-akhirnya yang menanggung ialah ahli-ahli atau masyarakat yang terlibat di dalam lembaga-lembaga tersebut.

Macam contoh saya ambil, macam di Johor, KEJORA kalau tidak silap saya yang telah diswastakan dan ini merugikan. Kita beli tanah berpuluh-puluh ribu ekar, kemudian kita jual-beli dengan murah dan kita jual pula dengan harga yang mahal. Ini, merugikan, merugikan rakyat. Saya harap ini akan menjadi pengajaran kepada kementerian untuk memastikan lembaga-lembaga yang ada di bawah jagaan kementerian berhati-hati. Pastikan jangan matlamat asal itu hilang, kadang-kadang matlamat asal dulu yang dinyatakan dalam Dewan Rakyat ini ialah untuk rakyat, untuk kebaikan rakyat, untuk kesenangan rakyat, tetapi lama-kelamaan agensi itu mementingkan keuntungan pula. Apabila mementingkan keuntungan, maka akhir-akhirnya orang yang mengharapkan pembelaan akan ketinggalan.

Begitu juga RISDA, Tuan Pengerusi, saya difahamkan kerajaan akan menghentikan bantuan. Mereka ini dicadangkan untuk mendapat pinjaman daripada Bank Pertanian dan sebagainya. Tuan Pengerusi, orang kampung yang tua-tua ini, mereka bukan pandai hendak isi borang pun, tambah hendak suruh masuk bank. Kadang-kadang dia 'belah' pintu bank itu, pecah cermin bank itu. Mereka bukan pandai, ini orang penanam kebun kecil ini, mereka hidup macam orang tanam padiliah, dua, tiga relung hidup dalam kekeluargaan dia.

Tetapi, kalau kita tidak beri bantuan kepada mereka, mereka ini akan menanggung kesusahan. Sudahlah mereka tua, hendak tanam semula kena buat pinjaman, umur 100 siapa hendak beri jaminan. Sama tua dengan pokok getah itu. Jadi, ini perlu difikirkan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, lagi satu ialah dari segi pembasmian kemiskinan. Saya bersetuju dengan rakan-rakan saya terutama Yang Berhormat Lubuk

Antu, kena check balik, ada ke satu kawasan macam itu tinggal seorang yang miskin, tidak logik. Macam kawasan saya, kalau mengikut pejabat daerah, dia kata Daerah Yan tidak ada orang miskin. Macam mana boleh kata tidak ada orang miskin, bila wakil rakyat masuk, ada yang seluar carik, ada yang kain carik, ada yang tidak pakai baju pun ada, ada yang rumah senget, sampai tidak boleh buat apa atas rumah itu Tuan Pengerusi, pun ada, silap-silap rebah dengan orang-orang dalam rumah itu. Yang ini tidak miskin lagi?

Jadi, saya mencadangkan Tuan Pengerusi, hendak beri bantuan kepada PPRT ini, wakil rakyat itu mesti ada dalam jawatankuasa itu. Dimestikan wakil rakyat Barisan Nasional, hak UMNO, hak PAS ini memang sudah karut. Hak Barisan Nasional sahaja. Duduk dalam jawatankuasa untuk hendak beri bantuan PPRT ini. DAP jauh sekalilah, mereka duduk dalam kawasan bandar, bukan dalam kawasan kampung.

Tuan Pengerusi, jadi kita mahu wakil-wakil rakyat sama ada Parlimen atau Bagan

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, pasal masa ini, saya bukan tidak mahu bagi, saya kalau bagi DAP seronok sangat. Pasal kelmarin bergaduh, saya tidak ada. Kalau saya ada kelmarin, syoklah. Tetapi tidak apalah.

Jadi, saya minta Tuan Pengerusi, kalau boleh wakil-wakil rakyat, Parlimen ataupun 'state' duduk dalam jawatankuasa untuk memberi pertimbangan bantuan PPRT. Tidak kiralah bantu apa pun. Tidak bolehlah kita serah kepada pejabat daerah, bukan bermakna saya tidak percaya pegawai kerajaan, tidak. Tetapi ada juga dalam jabatan kerajaan ini, orang yang tidak sokong kerajaan. Hak yang duduk dalam Dewan ini, semua pegawai yang sokong kerajaan, saya faham ini, kalau tidak mereka tidak akan datang bekerja di sini. Jadi, ini yang tidak sokong kerajaan dan mereka bertindak sewenang-wenang. Jadi, saya minta pihak kementerian beri satu arahan kepada pejabat daerah.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah berkenaan jalan luar bandar ini. Bila agak-agak kementerian boleh selesai masalah jalan luar bandar ini? Tidak larat

dah! Tiap-tiap kali kita bahas tentang belanjawan ini, tiap-tiap kali wakil-wakil rakyat bangkit dok bising pasal jalan luar bandar. Tambah musim hujan ini, Tuan Pengerusi, kawasan ini kelubuk. Makna kelubuk, Tuan Pengerusi, jalan itu jadi macam tanah campur air ini. Kira kita yang pakai kereta 4WD pun, dia memusing tidak jalan. Keempat-empat tayar memusing, kereta tidak berjalan. Bayangkanlah jalan itu macam mana.

Tuan Pengerusi, jadi orang-orang kampung hendak keluar musim hujan macam ini di kawasan-kawasan luar bandar, di kawasan Yan, di kawasan Pokok Sena ini, kalau kenduri pun wakil rakyat tidak berani pergi. Kita pergi, dia suakan nasi, sekejap lagi dia tanya, "Yang Berhormat amboi kereta berlumus no. Berlumus hendak buat macam mana - hujan. Yang Berhormat lekat dak. Tidak apalah kereta Yang Berhormat 4WD, hak kami ni motor, kadang-kadang tayar depan jalan, tayar belakang terlekat". Bini dok belakang jatuh, marahkan wakil rakyat.

Jadi, saya haraplah kementerian buat satu kajian, ini peruntukan hak yang luar bandar ini kementerian ada, JPM pun ada, lagi satu kementerian apa entah, sampai tiga, empat kementerian. Celarulah kita. Letak satu kementerian sudah. Kemudian kita fokuslah kementerian itu, selesai masalah jalan luar bandar ini. Merdeka lama sangat Tuan Pengerusi, merdeka sudah lama, kasihan pada orang kampung.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah suntuk.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Boleh sambung esok, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.